



**PENYATA
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BAGI MENGAJI BANGUNAN
BAHARU DEWAN NEGERI PERAK
TAHUN 2025**

**MESYUARAT KEDUA TAHUN KETIGA
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS**

ISI KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| Pendahuluan | 2 |
| Terma Rujukan Jawatankuasa..... | 3 |
| Ringkasan Gerak Kerja Jawatankuasa..... | 4 |
| Syor | 11 |
| Appendix..... | 12 |

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Pada tahun 2013 dimulakan perancangan pembinaan bangunan baharu Dewan Negeri Perak dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 11 September 2013. MMK bersetuju agar bangunan Dewan Negeri dibangunkan secara berasingan dengan bangunan pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.
- 1.2. Susulan itu, Bahagian Dewan Negeri dan MMK telah menjalankan gerak kerja awal dengan melibatkan agensi seperti Jabatan Kerja Raya Negeri Perak (JKR) bertujuan mengenalpasti tapak pembangunan yang sesuai. Pada ketika itu juga, Pembiayaan pembangunan projek turut dipertimbang melalui kaedah *Private Financial Initiative* (PFI) atau model pajakan.
- 1.3. Pada tahun 2014 pula, perbincangan lebih terperinci mula dilaksanakan. Perbincangan tersebut adalah berkaitan penyelarasan brif, skop dan pengesahan komponen yang dicadangkan untuk dipindahkan ke bangunan baharu. Ringkasan cadangan utama pada tahun 2014 adalah seperti menambah bilangan kerusi Dewan kepada 100, pembinaan ruang pemerhati yang lebih luas, perpustakaan, landskap di dataran, sistem audio yang lebih baik dan sebagainya.
- 1.4. Bagi tahun 2015 pula, JKR mengemukakan laporan teknikal kepada Yang di-Pertua Dewan Negeri dengan membentangkan dua (2) alternatif reka bentuk. Reka bentuk pertama telah dicadangkan konsep moden dan alternatif kedua berkonsepkan tropikal.
- 1.5. Berdasarkan keperluan dan gerak kerja yang telah dilakukan, satu usul untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak telah dibawa oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Kota Tampan, Dato' Saarani Bin Mohamad pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Yang Ketiga Belas bertarikh 18 April 2016, dan ianya telah disokong oleh ADN Slim, Allahyarham Dato' Mohd Khusairi Bin Abdul Talib.
- 1.6. Usul ini telah dibentangkan, dibahaskan serta diluluskan oleh Ahli-ahli Dewan Negeri Perak pada mesyuarat yang sama. Melalui usul ini juga, Dewan Negeri Perak telah membuat ketetapan supaya Yang di-Pertua Dewan Negeri dilantik sebagai Pengerusi kepada Jawatankuasa Pilihan Khas ini dan ahli-ahlinya terdiri daripada sembilan (9) orang ADN ketika itu dengan kekerapan mesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun.
- 1.7. Lantikan pertama Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada;
 - (i) Yang di-Pertua Dewan Negeri - Pengerusi
 - (ii) YB Dato' Abdul Manaf Bin Hashim - Ahli
 - (iii) YB Dato' Mohd Zolkafly Bin Harun - Ahli
 - (iv) YB Dato' Mohd Azhar Bin Jamaluddin - Ahli
 - (v) YB Datuk Aminuddin Bin Md Hanafiah - Ahli
 - (vi) YB Encik Mohamad Ziad Bin Mohamed Zainal Abidin - Ahli

- (vii) YB Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Nizar Bin Jamaluddin - Ahli
- (viii) YB Encik Chang Lih Kang - Ahli
- (ix) YB Encik Nga Kor Ming - Ahli
- (x) YB Encik Mohd Zawawi Bin Abu Hassan - Ahli

2. TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA

- 2.1. Punca Kuasa : Penubuhan Jawatankuasa ini adalah berasaskan kepada peruntukan perkara 78. (1) – (2) Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak.
- 2.2. Bagi keahlian pula, pada awal penubuhan butiran lantikan adalah merangkumi Yang di-Pertua Dewan Negeri sebagai Pengerusi bersama sembilan (9) orang ahli.
- 2.3. Namun pada tahun 2021, terdapat usul daripada YB Dato' Shahrul Zaman bin Datuk Yahya yang mewakili YAB Menteri Besar telah mengemukakan satu notis pindaan usul, iaitu Usul Melantik Keanggotaan Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan. Melalui pindaan usul tersebut, cadangan keanggotaan bagi Jawatankuasa ini adalah seramai 12 orang dan Yang di-Pertua Dewan Negeri kekal sebagai Pengerusi.
- 2.4. Memandangkan Dewan Negeri telah membuat ketetapan keanggotaan Jawatankuasa seramai 12 orang berbanding sembilan (9) orang sebelum ini dan Yang di-Pertua Dewan Negeri juga telah menetapkan kekerapan mesyuarat yang baharu iaitu sebanyak empat (4) kali setahun berbanding tiga (3) kali setahun.
- 2.5. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa adalah:
 - (i) Mengkaji rasional keperluan dan lokasi baru bangunan tersebut,
 - (ii) Merangkakan ciri-ciri kandungan dan pengisian projek,
 - (iii) Memudahcarakan reka bentuk dan proses pembinaan projek Pembangunan,
 - (iv) Menentukan jangka masa pembinaan bangunan baharu yang dirancang,
 - (v) Membincangkan penambahbaikan berterusan bagi Dewan Negeri Perak yang sedia ada; dan
 - (vi) Mengemukakan cadangan pembangunan Galeri Dewan Negeri Perak.

3. RINGKASAN GERAK KERJA JAWATANKUASA

- 3.1. Sejak penubuhannya dan sejajar dengan fungsi yang diluluskan, Jawatankuasa Pilihan Khas ini telah menjalankan gerak kerjanya seperti berikut;
 - 3.1.1. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1 Tahun 2016 telah merangka pengisian projek dengan melibatkan JKR.

3.1.2. Pada tahun yang sama, Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan Bil. 2 Tahun 2016 telah membuat ketetapan menjalankan kajian di Dewan Undangan Negeri Melaka, Dewan Negeri Johor dan Dewan Undangan Negeri Sarawak dan laporan pembentangan pada Mesyuarat Bil. 1 Tahun 2017.

3.1.3. Butiran kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

| Bil | Nama | Bil.1 (26/5/2016) | Bil.2 (29/9/2016) |
|------------|--|------------------------------|------------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Sri S.K Devamany / YB Puan Thangasvari a/p Suppiah (Pengerusi) | √ | √ |
| 2. | YB Dato' Abdul Manaf bin Hashim | √ | x |
| 3. | YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun | x | √ |
| 4. | YB Dato' Mohd Azhar bin Jamaluddin | √ | √ |
| 5. | YB Datuk Aminuddin bin Md. Hanafiah | √ | √ |
| 6. | YB Encik Mohamad Ziad bin Mohamed Zainal Abidin | √ | √ |
| 7. | YB Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Nizar bin Jamaluddin | √ | x |
| 8. | YB Encik Chang Lih Kang | √ | √ |
| 9. | YB Encik Nga Kor Ming | x | √ |
| 10 | YB Encik Mohd Zawawi bin Abu Hassan | √ | √ |

3.1.4. Seterusnya, Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2 Tahun 2017 telah bersetuju dengan gerak kerja dimulakan dengan tapak cadangan baharu, iaitu di Bandar Meru Raya.

3.1.5. Butiran kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

| Bil | Nama | Bil.1 (17/3/2017) | Bil.2 (20/7/2017) |
|------------|---|------------------------------|------------------------------|
| 1. | YB Puan Thangasvari a/p Suppiah (Pengerusi) | √ | √ |
| 2. | YB Dato' Abdul Manaf bin Hashim | x | x |
| 3. | YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun | √ | x |
| 4. | YB Dato' Mohd Azhar bin Jamaluddin | √ | x |
| 5. | YB Datuk Aminuddin bin Md. Hanafiah | √ | x |
| 6. | YB Encik Mohamad Ziad bin Mohamed Zainal Abidin | x | x |
| 7. | YB Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Nizar bin Jamaluddin | √ | √ |
| 8. | YB Encik Chang Lih Kang | x | x |
| 9. | YB Nga Kor Ming | √ | √ |
| 10. | YB Encik Mohd Zawawi bin Abu Hassan | √ | √ |

3.1.6. Pada tahun 2017 juga, Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak telah dibentangkan dalam Dewan Negeri melalui surat Dewan Negeri Bi. 24/2017.

3.1.7. Manakala Mesyuarat Bil. 1 Tahun 2018 telah membincangkan perincian pelan tapak dan brif projek.

3.1.8. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2 Tahun 2018 telah membincangkan hal-hal berkaitan tapak lokasi, kos pembinaan dan pembentangan daripada JKR. Mesyuarat ini, telah melibatkan agensi dan jabatan lain seperti Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Perak, Bahagian Pengurusan Maklumat, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Pejabat Kewangan Negeri (PKN).

3.1.9. Pada Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3 Tahun 2018 pula memutuskan untuk mendapatkan pelan topografi keluasan kawasan untuk tujuan pembinaan.

3.1.10. Butiran kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

| Bil | Nama | Bil.1 (1/2/2018) |
|------------|--|-----------------------------|
| 1. | YB Puan Thangasvari a/p Suppiah (Pengerusi) | √ |
| 2. | YB Dato' Abdul Manaf bin Hashim | × |
| 3. | YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun | √ |
| 4. | YB Dato' Mohd Azhar bin Jamaluddin | × |
| 5. | YB Datuk Aminuddin bin Md. Hanafiah | × |
| 6. | YB Encik Mohamad Ziad bin Mohamed Zainal Abidin | × |
| 7. | YB Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Nizar bin Jamaluddin | √ |
| 8. | YB Encik Chang Lih Kang | × |
| 9. | YB Nga Kor Ming | √ |
| 10. | YB Encik Mohd Zawawi bin Abu Hassan | √ |

| Bil | Nama | Bil.2 (1/10/2018) | Bil.3 (13/11/2018) |
|------------|---|------------------------------|-------------------------------|
| 1. | YB Dato' Ngeh Koo Ham (Pengerusi) | √ | √ |
| 2. | YB Nga Kor Ming | √ | × |
| 3. | YB Chaw Kam Foon | √ | √ |
| 4. | YB Cik Jenny Choy Tsi Jen | √ | √ |
| 5. | YB Dato' Nolee Ashilin Binti Mohamed Radzi | × | × |

| | | | |
|----|--|---|---|
| 6. | YB Datuk Dr Wan Norashikin binti Wan Noordin | √ | × |
| 7. | YB Encik Maslin Sham bin Razman | √ | √ |

- 3.1.11. Selanjutnya, Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1 Tahun 2019 telah bersetuju untuk JKR melaksanakan pembentangan perincian teknikal dan anggaran kos pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak.
- 3.1.12. Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2019 telah bersetuju untuk kertas mesyuarat dibawa ke MMK agar kawasan keseluruhan lima puluh (50) ekar digunakan untuk tujuan pembinaan bangunan baharu Dewan Negeri Perak.
- 3.1.13. Oleh itu, berdasarkan kelulusan MMK pada 10 April 2019 telah memutuskan untuk mengekalkan tapak lama seluas 14.21 ekar di Bandar Meru Raya, Ipoh sebagai tapak pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak.
- 3.1.14. Butiran kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

| Bil | Nama | Bil.1 (12/2/2019) | Bil.2 (29/3/2019) |
|-----|--|----------------------|----------------------|
| 1. | YB Dato' Ngeh Koo Ham (Pengerusi) | √ | √ |
| 2. | YB Nga Kor Ming | √ | √ |
| 3. | YB Chaw Kam Foon | × | × |
| 4. | YB Cik Jenny Choy Tsi Jen | × | √ |
| 5. | YB Dato' Nolee Ashilin Binti Mohamed Radzi | √ | × |
| 6. | YB Datuk Dr Wan Norashikin binti Wan Noordin | √ | √ |
| 7. | YB Encik Maslin Sham bin Razman | √ | √ |

- 3.1.15. Manakala bagi tahun 2020 pula telah diadakan mesyuarat sebanyak dua (2). Pada Mesyuarat Bil. 1 Tahun 2020 telah dipersetujui menjemput UPEN menyampaikan taklimat kepada Jawatankuasa berkenaan perancangan pembangunan di sebahagian Lot 11674, Bandar Meru Raya oleh UPEN.
- 3.1.16. Pada Mesyuarat Bil. 1 Tahun 2020 pula, Mesyuarat telah bersetuju supaya pihak UPEN menjalankan kajian kebolehlaksanaan cadangan pembinaan bangunan baharu Dewan Negeri.
- 3.1.17. Walau bagaimanapun, perancangan usahasama dan kebolehlaksanaan di antara Kerajaan Negeri dan syarikat pemaju swasta tidak dapat dimuktamadkan.
- 3.1.18. Butiran kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

| Bil | Nama | Bil.1 (11/2/2020) |
|------------|--|------------------------------|
| 1. | YB Dato' Ngeh Koo Ham (Pengerusi) | √ |
| 2. | YB Nga Kor Ming | √ |
| 3. | YB Chaw Kam Foon | × |
| 4. | YB Cik Jenny Choy Tsi Jen | √ |
| 5. | YB Dato' Nolee Ashilin Binti Mohamed Radzi | √ |
| 6. | YB Datuk Dr Wan Norashikin binti Wan Noordin | √ |
| 7. | YB Encik Maslin Sham bin Razman | √ |

| Bil | Nama | Bil.2 (14/7/2020) |
|------------|--|------------------------------|
| 1. | YB Dato' Mohammad Zahir bin Abdul Khalid (Pengerusi) | √ |
| 2. | YB Dato' Haji Mohamad Tarmizi bin Idris | × |
| 3. | YB Encik Khairudin bin Abu Hanifah | √ |
| 4. | YB Jurij bin Jalaludin | √ |

| | | |
|----|---------------------------|---|
| 5. | YB Encik Nga Kor Ming | x |
| 6. | YB Cik Jenny Choy Tsi Jen | x |
| 7. | YB Encik Yong Choo Kiong | x |

- 3.1.19. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1 Tahun 2021, mendapati platform Jawatankuasa sedia ada ini boleh turut membincangkan setiap perkara berkaitan penambahbaikan dan pembangunan Dewan Negeri dan memutuskan skop perbincangan hendaklah merangkumi Dewan Negeri sedia ada dan bangunan baharu Dewan Negeri yang akan dibina.
- 3.1.20. Justeru, usul cadangan penambahan terma rujukan Jawatankuasa telah diluluskan pada Mesyuarat Kedua Tahun Keempat Dewan Negeri yang Keempat Belas.
- 3.1.21. Butiran kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

| Bil | Nama | Bil.1 (2/11/2021) |
|-----|--|----------------------|
| 1. | YB Dato' Mohammad Zahir bin Abdul Khalid (Pengerusi) | √ |
| 2. | YB Dato' Seri Ir. Mohamad Nizar bin Jamaluddin | √ |
| 3. | YB Dato' Haji Samsudin bin Abu Hassan | √ |
| 4. | YB Dato' Dr Muhammad Amin bin Zakaria | x |
| 5. | YB Dr Jurij bin Jalaludin | √ |
| 6. | YB Encik Mohd Kamaruddin bin Abu Bakar | √ |
| 7. | YB Encik Sivasubramaniam a/l Athinarayanan | x |
| 8. | YB Encik Teoh Yee Chern | √ |

| | | |
|-----|--|---|
| 9. | YB Encik Cheah Pou Hian | √ |
| 10. | YB Encik Chaw Kam Foon | √ |
| 11. | YB Encik Yahaya bin Mat Nor | √ |
| 12. | YB Encik Mohammad Arafat bin Varisai Mahamad | √ |
| 13. | YB Encik Hasnul Zulkarnain bin Abd Munaim | × |

- 3.1.22. Pada Mesyuarat Bil. 1 Tahun 2025, Jawatankuasa telah memutuskan untuk mengadakan lawatan penanda aras ke Dewan Negeri Pahang yang sedang dalam pembinaan. Lawatan ini turut disertai oleh PKN, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak (PTG) dan JKR.
- 3.1.23. Lawatan Penanda Aras Pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Pahang telah dijalankan pada 23 Jun 2025 (Isnin) dengan penyertaan delegasi seramai 28 orang dan satu laporan telah disediakan.
- 3.1.24. Laporan tersebut telah diperhalusi pada Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2025 bagi tujuan menyebarkan maklum tindakan Jawatankuasa kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Paduka Seri Sultan Perak.
- 3.1.25. Pada 5 Ogos 2025 Yang di-Pertua Dewan Negeri bersama YAB Menteri Besar telah menyebarkan maklum DYMM Paduka Seri Sultan Perak yang telah memperkenan dengan keperluan bagi membina bangunan baharu Dewan Negeri Perak.
- 3.1.26. Seterusnya, pada Mesyuarat Bil. 3 Tahun 2025, mesyuarat telah sebulat suara memutuskan agar Penyata Jawatankuasa disediakan dan dibentangkan pada Mesyuarat Kedua Tahun Ketiga Dewan Negeri Yang Kelima Belas. Maka dengan itu, tamatlah peranan dan fungsi Jawatankuasa ini dan menyerahkan tindakan selanjutnya kepada pihak eksekutif.
- 3.1.27. Butiran kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa pada tahun 2025 adalah seperti berikut:

| Bil | Nama | Bil.1 2025 (22/5/2025) | Bil.2 2025 (1/8/2025) | Bil.3 2025 (11/8/2025) |
|-----|--|---------------------------|--------------------------|---------------------------|
| 1. | YB Dato' Mohammad Zahir bin Abdul Khalid (Pengerusi) | √ | √ | √ |
| 2. | YB Cik Jenny Choy Tsi Jen | √ | √ | √ |

| | | | | |
|-----|---|---|---|---|
| 3. | YB Encik Nga Kor Ming | × | × | × |
| 4. | YB Encik Cheah Pou Hian | √ | √ | √ |
| 5. | YB Puan Salina binti Samsudin | √ | √ | √ |
| 6. | YB Puan Bavani a/p Veraiah | √ | √ | √ |
| 7. | YB Encik Ong Seng Guan | √ | √ | × |
| 8. | YB Puan Wong Chai Yi | × | √ | √ |
| 9. | YB Encik Rosli bin Abd Rahman | √ | √ | √ |
| 10. | YB Puan Norhaslinda binti Zakaria | √ | √ | × |
| 11. | YB Encik Azizi bin Mohamed Ridzuan | √ | √ | √ |
| 12. | YB Encik Sallehuddin bin Abdullah | √ | √ | √ |
| 13. | YB Encik Muhammad Faisal bin Abdul Rahman | × | × | √ |

4. SYOR JAWATANKUASA

- 4.1. Jawatankuasa mengesyorkan bahawa terdapat keperluan untuk pelaksanaan Projek Pembangunan Dewan Negeri Perak yang akan dilaksanakan oleh JKR.
- 4.2. Jawatankuasa mengesyorkan Ahli-Ahli Jawatankuasa turut dilibatkan di dalam projek pembangunan bangunan baharu Dewan Negeri Perak bagi tujuan mendapatkan pandangan.
- 4.3. Adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa ini dibubarkan sebaik sahaja Penyata ini dibentangkan di Dewan Negeri pada Persidangan Pertama Mesyuarat Kedua Tahun Ketiga Dewan Negeri yang Kelima Belas bertarikh 9 September 2025.

APPENDIX

- (i) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2016
- (ii) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 2016
- (iii) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2017
- (iv) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 2017
- (v) Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak (Surat Dewan Negeri Bil. 24/2017)
- (vi) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2018
- (vii) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 2018
- (viii) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 3 Tahun 2018
- (ix) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2019
- (x) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 2019
- (xi) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2020
- (xii) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 2020
- (xiii) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2021
- (xiv) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2025
- (xv) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 2025

- (xvi) Laporan Lawatan Penanda Aras Pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Pahang
- (xvii) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil. 3 Tahun 2025

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGENAL
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN BIL. 1/2016**

Tarikh : 26 Mei 2016 (Khamis)
Masa : 2.30 petang
**Tempat : Bilik Mesyuarat Timbalan Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan), Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan**

HADIR:

1. YBhg. Dato' Sri S.K Devamany - Pengerusi
Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
2. YB Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Nizar bin Jamaluddin
Ahli Dewan Negeri Changkat Jering
3. YB Dato' Abdul Manaf bin Hashim
Ahli Dewan Negeri Pengkalan Bharu
4. YB Datuk Aminuddin bin Md. Hanafiah
Ahli Dewan Negeri Hulu Kinta
5. YB Dato' Mohd Azhar bin Jamaluddin
Ahli Dewan Negeri Changkat Jong
6. YB Encik Mohamad Ziad bin Mohamed Zainal Abidin
Ahli Dewan Negeri Manjoi
7. YB Encik Mohd Zawawi bin Abu Hassan
Ahli Dewan Negeri Gunung Semanggol
8. YB Encik Chang Lih Kang
Ahli Dewan Negeri Teja
9. Encik Shahrul Azam bin Shaari
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

10. Cik Suhaizah binti Yusop
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

11. Puan Noor Farahin binti Jamil
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
12. Puan Norazmira binti Abdullah Zaki
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun
Ahli Dewan Negeri Kenering
2. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Kepayang

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengucapkan salam bahagia dan salam sejahtera serta mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat ke mesyuarat ini yang merupakan sejarah dalam perundangan Dewan Negeri.
- 1.2 YBhg. Dato' Sri Pengerusi juga mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Dewan dan pegawai-pegawai kerana telah menyediakan laporan untuk mesyuarat ini.
- 1.3 Jawatankuasa ini dibentuk melalui Dewan Negeri adalah bertujuan untuk pembangunan Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan yang baharu.
- 1.4 Peranan Jawatankuasa Pilihan Khas ada yang secara tetap dan ada secara berkala yang mempunyai tempoh tertentu. Ahli mesyuarat boleh merujuk kepada Perintah Tetap 73 hingga 76. Jawatankuasa ini boleh menjemput jabatan-jabatan berkaitan untuk membantu dalam perancangan pembangunan Dewan Negeri.
- 1.5 Mesyuarat bersetuju melantik Yang Dipertua Dewan Negeri sebagai pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Tindakan: MAKLUMAN

2. PERBINCANGAN

2.1 Rasional Keperluan Dan Lokasi Bangunan

- 2.1.1 YBhg. Dato' Sri Pengerusi memaklumkan kepada semua ahli mesyuarat berkaitan kronologi pembangunan Dewan Negeri. Pada 11 September 2013, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 1751 telah bersetuju dengan cadangan untuk mewujudkan bangunan Dewan Negeri yang baharu secara berasingan daripada bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Pengarah Tanah dan Galian diminta mengenalpasti tapak yang bersesuaian bagi membolehkan cadangan ini dilaksanakan dengan segera.
- 2.1.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa melalui Mesyuarat Cadangan Pembangunan Dewan Persidangan Perak yang telah diadakan pada 29 Oktober 2013 telah memutuskan tapak yang telah dikenal pasti adalah tanah bersebelahan SRK Panglima Bukit Gantang iaitu Pejabat Lama Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan Kuarters Keretapi Tanah Melayu (KTM).
- 2.1.3 Tiga mesyuarat telah diadakan bersama-sama Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk menyediakan laporan cadangan

pembangunan reka bentuk yang dicadangkan dan JKR telah membentangkannya kepada YBhg. Dato' Sri Pengerusi pada 20 November 2013.

- 2.1.4 Mesyuarat tersebut memutuskan pembiayaan pembangunan secara *Private Finance Initiative* (PFI) dan Kerajaan Negeri juga bersedia memberi peruntukan kewangan.
- 2.1.5 JKR telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Brif Dan Skop Bagi Cadangan Membina Bangunan Tambahan Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada 3 Januari 2014 dan perkara yang dibincangkan adalah berkaitan komponen unit dan konsep yang mana pada masa tersebut anggaran kos adalah sebanyak RM64 juta.
- 2.1.6 Seterusnya, Bahagian Dewan Negeri & MMK mengadakan Perbincangan Mengenai Pembinaan Komponen Dewan Dan Bahagian-bahagian Di Dalam Bangunan Tambahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada 9 Januari 2014.
- 2.1.7 Mesyuarat seterusnya adalah pada 21 Januari 2014 iaitu Mesyuarat Berhubung Pembinaan Dewan Negeri Dan Bahagian-bahagian Di Dalam Bangunan Tambahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Dewan Negeri.
- 2.1.8 Keluasan tapak cadangan seluas 5.2 ekar bersebelahan kantin Pejabat SUK yang mana boleh dibina laluan pejalan kaki untuk menghubungkan ke bangunan baharu.
- 2.1.9 Ruangan pemerhati yang akan dibina sebanyak 800 kerusi, 400 unit di bahagian kanan dan 400 unit di bahagian kiri. Pihak media akan ditempatkan di bahagian atas.
- 2.1.10 Pada 8 Januari 2015, JKR telah mengemukakan Laporan Teknikal Ke Atas Cadangan Membina Bangunan Tambahan Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

2.2 Merangka Ciri-ciri Kandungan Dan Pengisian Projek

- 2.2.1 YBhg. Dato' Sri Pengerusi memaklumkan ciri-ciri kandungan bangunan adalah penting bagi membantu arkitek menentukan kos yang terlibat dalam pembangunan.
- 2.2.2 **Kapasiti Dewan**
 - (i). 80 atau 100 kerusi ADUN (buat perangkaan 30 tahun akan datang berdasarkan jumlah pengundi dan keadaan politik)

- (ii). Ketua jabatan
- (iii). Media (jurugambar dan rakaman video)
- (iv). Bentara/Pengawal Keselamatan

2.2.3 Prasarana/Fasiliti ADUN

- (i). Bilik YAB Menteri Besar
- (ii). Bilik Yang Dipertua
- (iii). Bilik Timbalan Yang Dipertua
- (iv). Bilik EXCO – 15 bilik
- (v). Bilik Ketua Pembangkang
- (vi). Bilik Whip Parti – 2 bilik
- (vii). Bilik ADUN – 10 bilik
- (viii). Bilik Yang Berhormat – 2 bilik (konsep terbuka)
- (ix). Bilik perbincangan – 12 bilik
- (x). Laci berkunci untuk semua ADUN

2.2.4 Urus Setia/Pentadbiran

- (i). Ruang pejabat
- (ii). Bilik kebal
- (iii). Pantri
- (iv). Bilik fail
- (v). Stor

2.2.5 Fasiliti-fasiliti Lain

- (i). Kamar DiRaja
- (ii). Bilik Rakaman – sistem digital untuk rakaman penyata rasmi
- (iii). Galeri umum
- (iv). Bilik Kawalan/Senjata Api
- (v). Kafeteria ADUN – disediakan dapur untuk kemudahan memasak
- (vi). Kafeteria umum
- (vii). Surau
- (viii). Gimnasium
- (ix). Bilik persalinan
- (x). Klinik
- (xi). Bilik sidang media
- (xii). Bilik petugas media
- (xiii). Tempat letak kenderaan – 700 lot termasuk motorsikal
- (xiv). Eskulator
- (xv). Trek basikal – untuk riadah
- (xvi). Bilik kuliah
- (xvii). Bilik penyelidikan
- (xviii). Bilik jawatankuasa pilihan
- (xix). Perpustakaan
- (xx). Bilik Pegawai Khas ADUN - asingkan lelaki dan perempuan
- (xxi). Bilik pemandu ADUN - asingkan lelaki dan perempuan

- 2.2.6 YBhg. Dato' Sri Pengerusi memaklumkan perlu melibatkan pihak JKR dalam merekabentuk bangunan.

2.3 Menentukan Jangka Masa Yang Dirancang

- 2.3.1 Jawatankuasa ini boleh mendapatkan pandangan dari bahagian teknikal untuk menetapkan tempoh jangka masa pelaksanaan memandangkan tanah telah diluluskan.
- 2.3.2 Walau bagaimanapun, Jawatankuasa perlu memantau prestasi pelaksanaan.

2.4 Terma Dan Rujukan (TOR)

- 2.4.1 YB Changkat Jering berpandangan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas perlu menyediakan terma-terma rujukan (TOR) bagi memudahkan bahagian teknikal melaksanakan kerja berdasarkan TOR yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa.
- 2.4.2 Mesyuarat memtuskan agar YB Changkat Jering menyediakan TOR tersebut dan pihak urus setia akan mengemukakan minit mesyuarat melalui emel sebagai rujukan.

Tindakan: YB CHANGKAT JERING / URUS SETIA

- 2.4.3 TOR ini perlu dibahagikan kepada beberapa fasa pelaksanaan. Fasa 1 adalah menetapkan komponen-komponen bangunan dan JKR hendaklah menyediakan konsep dan reka bentuk asas bangunan serta membuat anggaran kos.
- 2.4.4 JKR pula perlu menyediakan TOR dari aspek teknikal.
- 2.4.5 Syor-syor daripada Jawatankuasa perlu dibawa untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Tindakan: URUS SETIA

2.5 Sumber Kewangan

- 2.5.1 Mesyuarat mencadangkan sumber kewangan adalah secara PFI.

Tindakan: MAKLUMAN

3. HAL-HAL LAIN

3.1 Kajian EIA (*Environmental Impact Assessment*)

- 3.1.1 YB Changkat Jering memaklumkan kajian EIA perlu dilaksanakan ke atas projek pembangunan.
- 3.1.2 YB Changkat Jong menjelaskan bahawa pihak *One Stop Center* (OSC) Majlis Bandaraya Ipoh akan memberi maklum balas setelah permohonan projek ini dikemukakan.

Tindakan: **MAKLUMAN**

3.2 Tarikh Mesyuarat

- 3.2.1 Mesyuarat seterusnya akan diadakan selepas Hari Raya Aidilfitri.

Tindakan: **MAKLUMAN**

3.3 Lawatan

- 3.3.1 Mesyuarat mencadangkan untuk mengadakan lawatan ke luar negara bagi melawat Dewan Negeri di negara-negara luar.

Tindakan: **URUS SETIA**

4. PENUTUP

- 5.1 YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.20 petang.

Disediakan oleh:



(SUHAIZAH BINTI YUSOP)
Urus Setia
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan
6 Jun 2016

Disemak oleh:



(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)
Setiausaha
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan
Tarikh : 6/6/16

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGAJAI
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN BIL. 2/2016**

Tarikh : 29 September 2016 (Khamis)
Masa : 3.00 petang
**Tempat : Bilik Mesyuarat Timbalan Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan), Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan**

HADIR:

1. YB Puan Thangasvari a/p Suppiah - Pengerusi
Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
2. YB Datuk Aminuddin bin Md. Hanafiah
Ahli Dewan Negeri Hulu Kinta
3. YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun
Ahli Dewan Negeri Kenering
4. YB Dato' Mohd Azhar bin Jamaluddin
Ahli Dewan Negeri Changkat Jong
5. YB Encik Mohamad Ziad bin Mohamed Zainal Abidin
Ahli Dewan Negeri Manjoi
6. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Kepayang
7. YB Encik Chang Lih Kang
Ahli Dewan Negeri Teja
8. YB Encik Mohd Zawawi bin Abu Hassan
Ahli Dewan Negeri Gunung Semanggol
9. Encik Shahrul Azam bin Shaari - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

10. Cik Suhaizah binti Yusop
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

11. Puan Noor Farahin binti Jamil
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
12. Puan Norazmira binti Abdullah Zaki
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Dato' Abdul Manaf bin Hashim
Ahli Dewan Negeri Pengkalan Bharu
2. YB Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Nizar bin Jamaluddin
Ahli Dewan Negeri Changkat Jering

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YB Puan Pengerusi memaklumkan sekiranya terdapat apa-apa pindaan atau perkara yang hendak dibangkitkan.
- 1.2 YB Puan Pengerusi menyarankan agar pembangunan ini mengambilkira keperluan fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU).

Tindakan: Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 1/2016 pada 26 Mei 2016 disahkan tanpa pindaan.
- 2.2 Pengesahan minit dicadangkan oleh YB Hulu Kinta dengan disokong oleh YB Lintang.

Tindakan: Makluman

3. PEMBENTANGAN *TERM OF REFERENCE* (TOR)

- 3.1 YB Puan Pengerusi memaklumkan bahawa YB Changkat Jering mungkin telah mengemukakan kertas kerja tetapi beliau masih belum sampai.
- 3.2 Setiausaha memaklumkan bahawa YB Changkat Jering telah mengemukakan TOR melalui emel dan akan menerangkan secara ringkas berkaitan TOR tersebut.
- 3.3 Pihak urus setia memaklumkan bahawa YB Changkat Jering tidak dapat hadir kerana ada urusan kematian di Kampar.
- 3.4 YB Puan Pengerusi memutuskan agar diteruskan perbincangan berkaitan TOR dan sekiranya terdapat perkara yang memerlukan penjelasan, mesyuarat akan meminta YB Changkat Jering memberi penerangan kemudian.

Tindakan: Makluman

3.5 Peruntukan

- 3.5.1 Mesyuarat memutuskan agar Kerajaan Negeri menguruskan permohonan peruntukan melalui *Private Finance Initiative* (PFI) dan perlu ada tempoh masa.
- 3.5.2 Setiausaha memaklumkan proses bagi mendapatkan peruntukan perlu dimasukkan ke dalam TOR.
- 3.5.3 YB Kepayang inginkan penjelasan bagaimana anggaran kos RM64 juta dibuat walaupun tanpa ada lukisan reka bentuk.
- 3.5.4 YB Hulu Kinta memaklumkan anggaran kos tersebut adalah berdasarkan reka bentuk terdahulu.
- 3.5.5 YB Kepayang berharap tidak berlaku lagi peningkatan kos yang berganda seperti pembangunan Bangunan Perak Darul Ridzuan ini pada tahun 1995 yang pada mula hanya berjumlah RM59 juta, namun telah meningkat kepada RM110 juta semasa perasmian. Perkara sebegini tidak sepatutnya berulang bagi mengelakkan Jawatankuasa Pilihan Khas ini dipandang rendah seterusnya memberi kesan kepada integriti dan kredibiliti Jawatankuasa ini.
- 3.5.6 YB Kepayang mencadangkan agar Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenalpasti reka bentuk terlebih dahulu dan baru menyediakan anggaran kos dan seterusnya Jawatankuasa membincangkan kaedah pembiayaan pembangunan melalui PFI. Pembiayaan PFI berkemungkinan menghadapi masalah kerana pembangunan projek ini bukan berasaskan keuntungan.
- 3.5.7 Perancangan yang teliti amat perlu kerana bangunan ini akan menjadi bangunan warisan pada masa akan datang dan menjadi kebanggaan kepada seluruh warga Negeri Perak.
- 3.5.8 YB Puan Pengerusi bersetuju dengan cadangan YB Kepayang.

Tindakan: Jawatankuasa

3.6 Contoh Bangunan Dewan Negeri

- 3.6.1 YB Puan Pengerusi mencadangkan supaya melihat contoh-contoh bangunan dewan negeri yang disertakan di dalam salinan slaid bagi memudahkan urusan.

Tindakan: Makluman

3.7 Pelantikan Arkitek

- 3.7.1 YB Teja memaklumkan bagi memulakan projek ini, boleh merujuk kepada TOR yang telah disediakan yang mana hendaklah melantik arkitek.

Tindakan: Makluman

3.8 Kajian Dan Fasiliti

- 3.8.1 YB Hulu Kinta memaklumkan bahawa penyediaan TOR ini terlalu awal. Ini baru peringkat mengkaji dan membincangkan fasiliti yang kemudiannya akan dikemukakan kepada JKR bagi membuat reka bentuk dan anggaran kos. Selepas ini baru boleh disediakan TOR.
- 3.8.2 YB Pengerusi memaklumkan bahawa dalam minit mesyuarat yang lepas telah meminta YB Changkat Jering menyediakan TOR.

Tindakan: Makluman

3.9 Penubuhan Jawatankuasa Kerja

- 3.9.1 YB Puan Penegrusi mencadangkan agar menubuhkan jawatankuasa kerja yang melibatkan jabatan teknikal seperti JKR dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) untuk membuat kajian dan memberi pandangan.
- 3.9.2 YB Kepayang meminta merujuk kepada TOR nombor 5 yang mana beberapa jawatankuasa kecil pengurusan dan teknikal projek akan dibentuk.

Tindakan: Makluman

3.10 Minit Mesyuarat

- 3.10.1 YB Hulu Kinta menyarankan supaya minit mesyuarat dikemukakan kepada JKR untuk mereka mengambil tindakan merekabentuk dan membuat anggaran kos berdasarkan keperluan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa.
- 3.10.2 YB Manjoi berpandangan sepatutnya selepas mesyuarat yang lepas terus sahaja dihantar minit mesyuarat kepada JKR. Jadi dalam masa lima (5) bulan, JKR boleh membentangkan rekabentuk.

- 3.10.3 YB Puan Pengerusi memutuskan agar minit mesyuarat bil. 1 dikemukakan kepada JKR untuk tindakan merekabentuk berdasarkan komponen yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas dan dibentangkan pada mesyuarat akan datang.

Tindakan: Urus setia

3.11 Jemputan Terbuka Pertandingan

- 3.11.1 YB Kepyang mencadangkan agar dibuat jemputan terbuka sebagai penglibatan orang awam dan arkitek bagi menyertai pertandingan melukis dan merekabentuk bangunan. Sebagai contoh Louvre Museum di Paris yang merupakan muzium terbaik di dunia.
- 3.11.2 Kriteria perlu ditetapkan dengan mengambilkira *green index building* selaras dengan mesra alam dan yang kedua mesti *energy saving building*.
- 3.11.3 YB Puan Pengerusi bersetuju dengan cadangan ini tetapi perlu ada unsur-unsur Perak dalam rekabentuk bangunan.

Tindakan: Jawatankuasa

4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Lawatan


- 4.1.1 YB Manjoi mencadangkan agar diadakan lawatan dalam negeri dan luar negara memandangkan bangunan dewan negeri akan menjadi warisan bagi Negeri Perak.
- 4.1.2 YB Puan Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut.
- 4.1.3 Setiausaha memaklumkan bahawa lawatan dalam negeri akan dibuat pada tahun ini kerana peruntukan masih ada tetapi untuk lawatan ke luar negara akan dirancang pada tahun hadapan.
- 4.1.4 Mesyuarat bersetuju lawatan akan diadakan sebelum perayaan Deepavali. Mesyuarat seterusnya akan diadakan selepas lawatan ke Sarawak.
- 4.1.5 YB Hulu Kinta mencadangkan dijemput wakil JKR dan MBI menyertai lawatan ini.

Tindakan: Urus Setia

5. PENUTUP

- 5.1 YB Puan Pengerusi menangguhkan mesyuarat ini sehingga lawatan ke Sarawak selesai. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.00 petang.

Disediakan oleh:



(SUHAIZAH BINTI YUSOP)
Urus Setia
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Disemak oleh:



(SHHRUL AZAM BIN SHAARI)
Setiausaha
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGENAL
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN BIL. 1/2017**

Tarikh : 17 Mac 2017 (Jumaat)
Masa : 9.00 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Timbalan Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan), Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan**

HADIR:

1. YB Puan Thangasvari a/p Suppiah - Pengerusi
Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
2. YB Datuk Aminuddin bin Md. Hanafiah
Ahli Dewan Negeri Hulu Kinta
3. YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun
Ahli Dewan Negeri Kenering
4. YB Dato' Mohd Azhar bin Jamaluddin
Ahli Dewan Negeri Changkat Jong
5. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Kepong
6. YB Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Nizar bin Jamaluddin
Ahli Dewan Negeri Changkat Jering
7. YB Encik Mohd Zawawi bin Abu Hassan
Ahli Dewan Negeri Gunung Semangol
8. Encik Shahrul Azam bin Shaari - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

9. Ar. Abd Shukor bin Ismail
Ar. Penguasa JKR
10. Encik Muzafar Abdullah bin Ayeop
Penolong Pegawai Senibina JKR

11. Encik Mohd Affizan bin Abd. Rahman
Penolong Pegawai Senibina JKR
12. Encik Ahmad Suqairy bin Alias
KPSU Bahagian Khidmat Pengurusan
13. Puan Mazni binti Mohamed Jakeri
PSU Bahagian Pengurusan Maklumat
14. Puan Nurulhuda binti Mohd Akob
PSU Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
15. Encik Rizal bin Aziz
PSU Bahagian Pengurusan Maklumat
16. Cik Suhaizah binti Yusop
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
17. Cik Nur Farhana binti Abd Jalil
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
18. Puan Norazmira binti Abdullah Zaki
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Dato' Abdul Manaf bin Hashim
Ahli Dewan Negeri Pengkalan Bharu
2. YB Encik Mohamad Ziad bin Mohamed Zainal Abidin
Ahli Dewan Negeri Manjoi
3. YB Encik Chang Lih Kang
Ahli Dewan Negeri Teja

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YB Pengerusi memberikan ucapan aluan kepada semua Ahli Jawatankuasa yang hadir.

- 1.2 YB Pengerusi meminta Ahli Jawatankuasa menyemak Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 2/2016 pada 29 September 2016 dan YB Gunung Semanggol memaklumkan terdapat sedikit pembetulan ejaan "Pengerusi" pada para 3.9.
- 1.3. Pengesahan minit disahkan oleh YB Gunung Semanggol dan disokong oleh YB Changkat Jong.
- 1.4 YB Pengerusi juga meminta Ahli Jawatankuasa untuk menyemak penyata rasmi Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 2/2016 pada 29 September 2016 dan memaklumkan kepada urus setia sekiranya terdapat kesilapan.

2. LAPORAN LAWATAN KERJA

- 2.1 Setiausaha memperkenalkan pegawai-pegawai dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Maklumat yang turut serta di dalam beberapa lawatan jawatankuasa yang telah diadakan.
- 2.2 Setiausaha membentangkan Laporan Lawatan Kerja yang merangkumi komponen-komponen mengikut portfolio masing-masing yang telah dilaporkan oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Kerja Raya dan Majlis Bandaraya Ipoh yang turut serta dalam lawatan.
 - 2.2.1 Lokasi Dewan Negeri yang berasingan dari bangunan SUK seperti di Johor dan Sarawak dimana penempatan semula bangunan Kerajaan Negeri dilakukan. Manakala Dewan Negeri di Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan masih kekal di bawah pentadbiran SUK.
 - 2.2.2 Pembinaan bangunan Dewan Negeri secara berasingan dapat membina identiti Dewan itu sendiri di dalam konsep reka bentuk yang khas bagi bangunan baharu. Ianya agak sukar dilakukan sekiranya masih lagi di bawah pentadbiran yang sedia ada.
 - 2.2.3 Sistem teknologi yang berbeza bagi setiap Dewan Negeri. Seperti Dewan Negeri Sarawak membangunkan sistem e-DUN dimana ianya tidak lebih dari penggunaan dalaman sahaja yang tidak

melibatkan ADUN seperti yang telah dilakukan di Dewan Negeri Perak dan akan dibangunkan lagi secara berperingkat. DUN Sarawak juga masih menerima soalan-soalan secara konvensional iaitu melalui e-mel dan hard copy.

- 2.2.4 Dari segi perjawatan ianya tidak banyak berbeza bagi DUN yang lain dimana DUN dan MMK di dalam satu bahagian kecuali DUN Sarawak. Manakala Johor sama seperti pentadbiran di Perak walaupun berasingan bangunan.
- 2.2.5 Setiausaha meminta agar beberapa perkara berkaitan sistem di dalam Dewan ini diambil kira seperti sistem interior, penghawa dingin dan conference system tidak berada di tahap yang rendah agar ianya setanding dengan binaan bangunan yang baharu kelak.
- 2.2.6 Kemudahan fasiliti bagi ADUN juga disediakan di ketiga-tiga Dewan Negeri seperti ruang pejabat, perpustakaan dan lain-lain kemudahan. Setiausaha menyatakan kemudahan bagi ADUN akan disediakan di bangunan Dewan Negeri yang baharu kelak bagi memudahkan Ahli Dewan. Juga berharap agar bangunan Dewan Negeri yang baharu kelak tidak hanya digunakan semasa Persidangan bahkan dapat digunakan bagi lain-lain acara. Contohnya seperti di Sarawak dimana Majlis Konvokesyen, Majlis Raja-Raja dan sebagainya diadakan di dalam bangunan Dewan tersebut.
- 2.3 Setiausaha berharap agar dengan pengasingan bangunan Dewan Negeri yang baharu kelak, beberapa perkara ini perlu dititiberatkan seperti identiti dan kemudahan komponen untuk Ahli Dewan, pihak urusetia, orang ramai, pihak Kerajaan serta NGO juga bagi yang berkelainan upaya datang untuk berjumpa pihak berkaitan.
- 2.4 Untuk membina bangunan baharu adalah memerlukan bajet yang sangat besar dimana ianya tidak hanya melibatkan pihak kerajaan sahaja dan kaedah seperti PFI boleh dilaksanakan.
- 2.5 YB: Kepadang mengucapkan terima kasih diatas pembentangan dari Setiausaha. Beliau bersetuju dengan pengasingan kuasa selaras dengan Akta Perkhidmatan Parlimen 1985 yang ingin dihidupkan semula oleh Speaker Dewan Rakyat dimana Speaker menjadi ketua dan mempunyai bajet, tenaga kerja dan identiti yang berasingan. Sekiranya Parlimen telah menggunakan enakmen tersebut, Dewan Negeri Perak juga harus mempunyai enakmen sendiri sejajar dengan bangunan Dewan baharu yang akan dibina kelak, supaya menjadi sebuah institusi yang bebas tanpa campurtangan pihak eksekutif.

YB Kepayang bersetuju dengan cadangan Setiausaha agar Dewan baharu kelak dapat digunakan secara optimum bukan hanya sekadar sewaktu persidangan sahaja bahkan juga boleh menjadi sebuah tempat pembelajaran dimana lawatan dari sekolah-sekolah patut diadakan agar pelajar-pelajar dapat memahami sistem demokrasi berparlimen.

YB Kepayang mencadangkan agar perpustakaan dibuka juga untuk orang awam. Beliau juga mencadangkan agar konsep sistem biomatriks seperti di Parlimen dilakukan juga di Dewan Negeri Perak.

- 2.6 YB Hulu Kinta berharap agar menitik beratkan soal bajet dan perjawatan bagi Dewan baharu kelak.

3. PEMBENTANGAN CADANGAN REKA BENTUK OLEH JKR

Encik Abdul Shukor, Arkitek dari JKR membentangkan cadangan reka bentuk Dewan yang baharu.

- 3.1 Kajian Kes
Pihak JKR menerangkan ciri-ciri Dewan Negeri di Melaka, Johor dan Sarawak

- 3.2 Maklumat tapak
Pihak JKR memaparkan lokasi tapak cadangan dimana ianya bersebelahan dengan bangunan SUK dan menerangkan analisa yang telah dilakukan dimana terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira iaitu:

Kelemahan

- Kawasan rendah
- Sangat hampir dengan flyover (isu keselamatan dan kesesakan)
- Tiada tapak untuk cadangan akan datang
- Perlukan cadangan struktur yang tinggi untuk menaikkan aras Dewan
- Sirkulasi jalan sehalu
- Visual bangunan yang terhad
- Kesesakan berlaku pada sekolah

Kelebihan

- Berhampiran dengan SUK

3.3 Konsep reka bentuk

Pendekatan yang diambil adalah dari beberapa segi iaitu:

- Sirkulasi
- Akustik
- Elemen hijau & soft landscape
- Elemen air
- "Boundary wall"
- Identiti senibina Perak
- "Universal Access"

Mengikut kehendak beberapa komponen iaitu:

- Komponen Dewan
- Komponen Speaker dan ADUN
- Komponen MMK
- Komponen Sokongan

Konsep dan rekabentuk dibina selaras dalam mewujudkan sebuah bangunan yang ikonik yang berkembang dari segi politik, sosial, budaya dan pusat pelancongan Perak dimana ianya menerapkan rekabentuk Istana Kenangan, Masjid Ubudiah, Stesen Keretapi, Town Hall dan hasil seni kraftangan Perak.

4. PERKARA BERBANGKIT

- 4.1 YB Changkat Jong mencadangkan agar mencari tapak alternatif sebelum cadangan rekabentuk bangunan dibincangkan dengan lebih mendalam memandangkan beberapa kekangan jika ianya dibina di tapak yang dicadangkan. Setiausaha mengatakan ianya agak sukar kerana Dewan perlu berdekatan dengan SUK.
- 4.2 YB Gunung Semanggol berpendapat bangunan Dewan perlu menampakkan imej yang baik sekiranya dibina di kawasan tersebut.
- 4.3 YB Hulu Kinta menanyakan sekiranya adakah apa-apa perancangan pentadbiran Kerajaan akan berpindah ke Meru Raya.
- 4.4 YB Changkat Jong berpendapat sekiranya untuk jangkamasa yang panjang bagi membangunkan kawasan pentadbiran kerajaan, perlulah mempunyai kawasan yang lebih luas lagi.
- 4.5 YB Kepayang memohon agar urusetia meminta pelan mini Putrajaya dari Meru Raya yang pernah dicadangkan dahulu untuk dibentangkan di dalam mesyuarat yang akan datang bagi melihat kawasan yang lebih komprehensif untuk jangkamasa yang lebih panjang.

- 4.6 YB Changkat Jering menyuarakan tidak bersetuju dengan lokasi tersebut kerana ianya tidak bersesuaian kerana tidak menuntut keperluan-keperluan lain serta boleh berlakunya berbagai kerosakan jika berlakunya kerja-kerja pembinaan. Kawasan yang lebih luas juga diperlukan untuk membina sistem penghawa dingin yang berasingan "District Cooling".
- 4.7 Pengerusi merumuskan bahawa Ahli Jawatankuasa mencadangkan untuk mencari tapak alternatif yang baharu.

5. PENUTUP

- 5.1 YB Puan Pengerusi menangguhkan mesyuarat pada jam 11.00 pagi.

Disediakan oleh:



(NORAZMIRA BINTI ABDULLAH ZAKI)
Urus Setia
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Disemak oleh:



(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)
Setiausaha
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGAJAI
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BIL. 2/2017**

Tarikh : 20 Julai 2017 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Timbalan Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan), Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan

HADIR:

1. YB Puan Thangasvari a/p Suppiah - Pengerusi
Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
2. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Kepayang
3. YB Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Nizar bin Jamaluddin
Ahli Dewan Negeri Changkat Jering
4. YB Encik Mohd Zawawi bin Abu Hassan
Ahli Dewan Negeri Gunung Semanggol
5. Encik Shahrul Azam bin Shaari - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

6. Cik Nur Farhana binti Abd Jalil
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
7. Puan Norazmira binti Abdullah Zaki
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Dato' Aminuddin bin Md. Hanafiah
Ahli Dewan Negeri Hulu Kinta

2. YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun
Ahli Dewan Negeri Kenering
3. YB Dato' Mohd Azhar bin Jamaluddin
Ahli Dewan Negeri Changkat Jong
4. YB Dato' Abdul Manaf bin Hashim
Ahli Dewan Negeri Pengkalan Bharu
5. YB Encik Mohamad Ziad bin Mohamed Zainal Abidin
Ahli Dewan Negeri Manjoi
6. YB Encik Chang Lih Kang
Ahli Dewan Negeri Teja

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1 YB Pengerusi memberikan ucapan aluan kepada semua Ahli Jawatankuasa yang hadir.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 YB Changkat Jering mencadangkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil.1/2017 bertarikh 17 Mac 2017 disahkan tanpa pindaan dan disokong oleh YB Kepayang.

3.0 LAPORAN PERKEMBANGAN PERANCANGAN PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU

- 3.1 YB Pengerusi mencadangkan agar status terkini berkenaan pembinaan bangunan baharu Dewan Negeri perlu dimaklumkan kepada Persidangan Dewan Negeri akan datang.
- 3.2 YB Kepayang bersetuju dengan cadangan YB Pengerusi, seperti mana Laporan Kira-kira Wang juga dibentangkan dalam Persidangan Dewan Negeri hanya untuk makluman Ahli-ahli Dewan. Laporan tersebut di cadang dijadikan sebagai Kertas Dewan untuk Persidangan Dewan Negeri pada bulan Ogos akan datang.
- 3.3 Selain itu Setiausaha turut memaklumkan agar cadangan pertukaran tapak baharu juga perlu dimaklumkan secara rasmi kepada Kerajaan Negeri. Beberapa mesyuarat telah dijalankan bersama pihak Perbadanan

Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan mendapati tapak baharu yang dicadangkan tiada masalah. Setelah mendapat persetujuan dari Ahli Jawatankuasa mengenai tapak baharu, barulah ia akan diedarkan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri sebagai Kertas Dewan dan akan diedarkan bersama Aturan Urusan Mesyuarat yang akan dihantar kepada ADUN.

4.0 PERKARA BERBANGKIT

4.1 Pengasingan Kuasa Selaras Dengan Akta Perkhidmatan Parlimen 1985

- 4.1.1 YB Kepayang memohon agar Pengerusi mengambil inisiatif atas perkara tersebut dan berpendapat bahawa perkara tersebut mempunyai atonmi tersendiri untuk dikemukakan sebarang draf enakmen.
- 4.1.2 Setiausaha memaklumkan bahawa perkara tersebut pernah dibangkitkan di dalam sesi perbahasan sebelum ini. Beliau mencadangkan agar Pengerusi berbincang dengan pihak Parlimen berkenaan perkara ini untuk melihat dari segi struktur dan sebagainya.
- 4.1.3 YB Kepayang turut menyatakan bahawa Parlimen pernah mengamalkan enakmen tersebut sebelum ini dan telah dibubarkan dan dihidupkan semula oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, Yang Dipertua Dewan Rakyat. Beliau berjaya melaksanakan enakmen tersebut sebagai KPI "*Key Performance Indicator*" sebelum beliau bersara kelak dan berharap agar semua Speaker dapat memberikan sokongan. Justeru itu YB Kepayang berharap Negeri Perak adalah negeri pertama yang memberikan sokongan. Tujuan pelaksanaan enakmen tersebut adalah bagi melihat cabang yang 'Merdeka' ataupun bebas daripada campur tangan pihak eksekutif. Kesimpulannya sekiranya enakmen tersebut dilaksanakan, Dewan Negeri akan mempunyai bajet sendiri dan Speaker serta Setiausaha akan mempunyai kuasa mentadbir sepenuhnya bagi menampakkan pengasingan kuasa.
- 4.1.4 YB Changkat Jering mencadangkan agar dibawa usul berkenaan ke dalam Dewan Negeri dan cadangan tersebut disokong oleh YB Kepayang. Walau bagaimanapun, beliau memaklumkan bahawa Dewan Negeri perlu membentangkan enakmen berkenaan dan dibuka untuk perbahasan dan diluluskan seperti enakmen-enakmen yang lain.

**LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGENAL
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri, Perak Darul Ridzuan dibentangkan untuk memaklumkan kepada jawatankuasa berkaitan perkara yang telah dibincangkan serta aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang penubuhan jawatankuasa.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Jawatankuasa Pilihan Khas telah ditubuhkan pada 18 April 2016 semasa Persidangan Kelima, Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Dewan Negeri Yang Ketiga Belas, Perak Darul Ridzuan.

- 2.2 Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang pengerusi dan sembilan (9) ahli. Keanggotaan jawatankuasa seperti berikut :

| | | | |
|--------|--|---|-----------|
| (i) | Yang Dipertua Dewan Negeri Perak | - | Pengerusi |
| (ii) | YB Dato' Abdul Manaf bin Hashim | - | Ahli |
| (iii) | YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun | - | Ahli |
| (iv) | YB Dato' Mohd Azhar bin Jamaluddin | - | Ahli |
| (v) | YB Datuk Aminuddin bin Md. Hanafiah | - | Ahli |
| (vi) | YB Encik Mohamad Ziad bin Mohamed Zainal Abidin | - | Ahli |
| (vii) | YB Dato' Seri Ir. Haji Muhammad Nizar bin Jamaluddin | - | Ahli |
| (viii) | YB Encik Chang Lih Kang | - | Ahli |
| (ix) | YB Encik Nga Kor Ming | - | Ahli |
| (x) | YB Encik Mohd Zawawi bin Abu Hassan | - | Ahli |

- 2.3 Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengkaji perkara-perkara berikut :
- (i) Rasional keperluan dan lokasi bangunan baharu Dewan Negeri Perak;
 - (ii) Merangka ciri-ciri kandungan dan pengisian projek pembinaan;
 - (iii) Memudahcarakan reka bentuk dan proses pembinaan projek pembangunan; dan
 - (iv) Menentukan jangka masa pembinaan bangunan baharu yang dirancang.
- 2.4 Menurut Perintah Tetap 72(12)(c), apabila selesai ditimbangkan penyata itu dari satu perenggan ke satu perenggan dan setelah semua perenggan baru yang dicadangkan telah ditimbangkan, maka masalah bahawa penyata ini jadi penyata Jawatankuasa kepada Dewan Negeri hendaklah dikemukakan oleh Pengerusi bagi diputuskan.

3.0 AKTIVITI JAWATANKUASA

- 3.1 Sepanjang penubuhan, jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak tiga (3) kali iaitu pada:
- 3.1.1 26 Mei 2017 bagi mesyuarat bilangan 1/2016.
 - 3.1.2 29 September 2016 bagi mesyuarat bilangan 2/2016.
 - 3.1.3 17 Mac 2017 bagi mesyuarat bilangan 1/2017.
- 3.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 2/2016 yang bersidang pada 29 September 2016 telah memutuskan untuk mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah Dewan Negeri yang telah dipersetujui iaitu:
- 3.2.1 Lawatan Kerja Ke Bangunan Dewan Undangan Negeri Melaka pada 18 Oktober 2016.
 - 3.2.2 Lawatan Kerja Ke Bangunan Dewan Undangan Negeri Johor pada 20 Oktober 2016.
 - 3.2.3 Lawatan Kerja Ke Bangunan Dewan Negeri Sarawak pada 13 Februari 2017.

4.0 CADANGAN TAPAK BAHARU

- 4.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Tapak Baharu Bangunan Dewan Negeri Perak Bil. 1/2017 yang telah bersidang pada 17 Mac 2017 telah mencadangkan untuk mencari tapak yang lain sebagai alternatif selain daripada cadangan tapak yang sedia ada iaitu bersebelahan dengan Pejabat SUK.
- 4.2 Pihak JKR telah membentangkan pelan dan struktur binaan bangunan baharu Dewan Negeri kepada jawatankuasa, dan didapati keluasan tapak yang sedia adalah tidak sesuai bagi memenuhi keperluan kemudahan infrastruktur bangunan.
- 4.3 Pihak urus setia jawatankuasa juga telah mengadakan perbincangan bersama pihak PTG dan PKNP pada 21 April 2017 dan 9 Jun 2017 bagi mengenal pasti tapak lain yang lebih bersesuaian.
- 4.4 Hasil perbincangan mendapati satu cadangan tapak baharu iaitu di Bandar Meru, Jelapang seperti di LAMPIRAN.

5.0 SYOR

- 5.1 Sekiranya Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan tapak baharu ini, maka akan dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri.
- 5.2 Sekiranya Kerajaan Negeri bersetuju, cadangan ini akan dibentangkan di dalam Dewan.

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGAJAI
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN BIL. 1/2018**

Tarikh : 1 Februari 2018 (Khamis)
Masa : 3.00 petang
**Tempat : Bilik Mesyuarat Timbalan Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan), Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan**

HADIR:

1. YB Dato' Thangasvari a/p Suppiah - Pengerusi
Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
2. YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun
Ahli Dewan Negeri Kenering
3. YB Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Nizar bin Jamaluddin
Ahli Dewan Negeri Changkat Jering
4. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Kepayang
5. YB Encik Mohd Zawawi bin Abu Hassan
Ahli Dewan Negeri Gunung Semanggol
6. Encik Kamarulariffin bin Haji Ayub - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

7. Puan Fatimah binti Ghazali
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
8. Encik Syamsul Hazeman bin Md. Salleh
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
9. Encik Ahmad Suqairy bin Alias
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

10. Puan Farahazliza Hazie binti Abu Hari
Arkitek
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
11. Puan Norjuliza Azlina binti Mohd Basri
Jurutera Awam (Bangunan)
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
12. Encik Abdul Halim bin H. Raman
Jurutera Awam (Bangunan)
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
13. Encik Mohd Zainal bin Abdul Hamid
Ketua Penolong Pegawai Perancang Bandar
Majlis Bandaraya Ipoh
14. Encik Minha Julabidin bin Ismail
Penolong Pegawai Kewangan Negeri
Unit Bajet Dan Pinjaman
Pejabat Kewangan Negeri Perak
15. Encik Muzafar bin Abdullah Ayeop
Penolong Pegawai Senibina
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
16. Encik Shamshuddin bin Mahmood
Penolong Pegawai Tanah Kanan
Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak
17. Encik Mohd Azlin bin Parmin
Penolong Jurutera
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
18. Cik Suhaizah binti Yusop
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
19. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
20. Puan Noor Farahin binti Jamil
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Dato' Abdul Manaf bin Hashim
Ahli Dewan Negeri Pengkalan Bharu
2. YB Datuk Aminuddin bin Md. Hanafiah
Ahli Dewan Negeri Hulu Kinta
3. YB Dato' Mohd Azhar bin Jamaluddin
Ahli Dewan Negeri Changkat Jong
4. YB Encik Mohamad Ziad bin Mohamed Zainal Abidin
Ahli Dewan Negeri Manjoi
5. YB Encik Chang Lih Kang
Ahli Dewan Negeri Teja

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan selamat pagi, salam sejahtera dan selamat menyambut Tahun Baru Cina yang akan menjelang.

Tindakan: Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 2/2017 pada 20 Julai 2017 disahkan tanpa pindaan.

Tindakan: Makluman

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Laporan Perkembangan Perancangan Pembinaan Bangunan Baharu

- 3.1.1 Mesyuarat mengambil maklum laporan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Dewan Negeri Yang Ketiga Belas, Perak Darul Ridzuan pada 8 Ogos 2017 melalui Kertas Dewan Bil. 24/2017.

- 3.1.2 Mesyuarat juga turut mengambil maklum berkenaan dengan pemindahan tapak cadangan Bangunan Dewan Negeri dari sebelah Sekolah Kebangsaan Bukit Gantang ke Meru, Ipoh berhadapan dengan bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang berkeluasan 14.21 ekar.

Tindakan: Makluman

3.2 Pengasingan Kuasa Selaras Dengan Akta Perkhidmatan Parlimen 1985

- 3.2.1 Mesyuarat mengambil maklum perkara ini akan dilaksanakan setelah pembangunan bangunan baharu Dewan Negeri siap.

Tindakan: Makluman

3.3 Hansard Sebagai Bahan Rujukan Orang Awam

- 3.3.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa perkara ini telah dilaksanakan. Hansard yang telah dimuktamadkan oleh Yang Dipertua Dewan Negeri Perak telah dicetak dan diedarkan kepada

semua Ahli Dewan Negeri serta ditempatkan di Perpustakaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak sebagai bahan rujukan.

Tindakan: Makluman

4. PERBINCANGAN REKA BENTUK BANGUNAN BAHARU

4.1 Lokasi, Pelan Tapak Dan Konsep Reka Bentuk Dewan Negeri Dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK)

4.1.1 Mesyuarat mengambil maklum taklimat daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Perak berkaitan lokasi tapak dan konsep reka bentuk bangunan baharu Dewan Negeri seperti di Lampiran A.

Tindakan: Makluman

4.2 Pandangan/Ulasan Daripada Ahli Mesyuarat

4.2.1 Bangunan Yang Tidak Mesra Pengguna

4.2.1.1 YB Ahli Dewan Negeri Changkat Jering mencadangkan agar Bangunan Dewan Negeri yang dicadangkan ini hendaklah mengambilkira konsep mesra rakyat dan menjadi mercu tanda Negeri Perak.

4.2.1.2 Beliau turut mencadangkan agar kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA) hendaklah diambilkira dalam pembangunan kawasan ini yang didapati bercerun dan sebagainya. Pembangunan kawasan yang bercerun ini akan menjejaskan kawasan sekeliling dan kajian EIA akan dapat membantu menyelesaikan masalah ini.

4.2.1.3 Selain itu, kawalan penggunaan elektrik hendaklah dibuat secara berasingan bukan berpusat di setiap blok bagi menjimatkan kos. Penggunaan tenaga solar juga boleh dipertimbangkan dan bukan hanya bergantung kepada sumber tenaga elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad.

Tindakan: Makluman

4.2.2 Struktur Bangunan

4.2.2.1 YB Ahli Dewan Negeri Lintang mencadangkan agar struktur bangunan Dewan Negeri ini mengambilkira

kombinasi material kayu bagi menampakkan semangat reka bentuk rumah tradisional Perak.

Tindakan: JKR

4.2.3 Identiti/Ikon Negeri Perak

4.2.3.1 YB Ahli Dewan Negeri Gunung Semanggol ingin mencadangkan agar bangunan Dewan Negeri ini menjadi ikon Negeri Perak seperti Dewan Negeri di Sarawak, Johor dan lain-lain.

Tindakan: JKR

4.2.4 Sustainability, Green Index Building Dan Pencahayaan

4.2.4.1 YB Ahli Dewan Negeri Kepayang mencadangkan beberapa perkara yang perlu diambil kira dalam pembangunan bangunan baharu Dewan Negeri seperti berikut:-

- (i). *Sustainability* dan *green index building* selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air bagi mendapatkan sijil platinum;
- (ii). Keunikan bangunan hendaklah berdasarkan *success story*;
- (iii). Kamar perbincangan;
- (iv). Blok Pentadbiran untuk keselesaan petugas menjalankan tugas sehingga larut malam;
- (v). Bangunan yang mesra rakyat dan mencerminkan demokrasi; dan
- (vi). Pencahayaan di kawasan sekitar bangunan.

Tindakan: JKR

4.2.5 Lawatan Sambil Belajar

4.2.5.1 YB Ahli Dewan Negeri Kepayang mengesyorkan agar pihak JKR mengadakan lawatan ke Kolej Universiti KDU

dan Ibu Pejabat JKR Putrajaya bagi mengambilkira konsep bangunan untuk diadaptasikan dalam pembinaan Dewan Negeri Perak yang baru.

- 4.2.5.2 YB Ahli Dewan Negeri Kepayang turut mencadangkan agar dibuat pertandingan terbuka sebagai penglibatan orang awam dan arkitek bagi menyertai pertandingan melukis dan merekabentuk bangunan dengan dengan mengambilkira konsep *green index building*.

Tindakan: JKR

4.3 Ketetapan Mesyuarat

- 4.3.1 Mesyuarat bersetuju agar pihak JKR mengambilkira pandangan yang diberi oleh ahli mesyuarat berkaitan konsep pembangunan bangunan Dewan Negeri yang baru;
- 4.3.2 Mesyuarat bersetuju supaya pihak JKR mengemukakan kos awalan bagi tujuan pembinaan Dewan Negeri Perak yang baru ke Bahagian Dewan Negeri Dan MMK untuk diangkat pertimbangan lanjut MMK; dan
- 4.3.3 Mesyuarat bersetuju supaya pihak JKR mengemukakan laporan kajian awalan dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh peruntukan diluluskan.

Tindakan: JKR

5. PENUTUP

- 5.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.15 petang.

Disediakan oleh:





(SUHAIZAH BINTI YUSOP)
Urus Setia
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Disemak oleh:



(KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB)
Setiausaha
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan







ANALISA SWOT

| | | |
|--|---|--|
| STRENGTH <ul style="list-style-type: none">Kawasan lereng bukitView in/outAlam semulajadiPemanggungan airJalan ekspansiZon kompleks kerajaanTrafik terkawal | WEAKNESS <ul style="list-style-type: none">Kawasan lereng bukitKos pembinaan tinggiKeluasan tanah perluParkir bawah tanahBersempadan denganlurah (salutan sistemkeselamatan yangtinggitidak mesra penduduk | OPPORTUNITY <ul style="list-style-type: none">Zon berkegunaan Perumahan |
| | | THREAT <ul style="list-style-type: none">Pencemaran alamTrafikRisiko pembangunanlereng bukit |

KONSEP REKA BENTUK

PENDEKATAN & KEHENDAK


- Sirkulasi
- Akustik
- Pencahayaan
- Elemen hijau; hard&soft landscape
- Elemen air
- Identiti Senibina Perak
- 'Universal Access'







- Komponen Dewan
- Komponen Speaker & Dun
- Komponen MMK
- Komponen Sokongan

Untuk mewujudkan sebuah bangunan ikonik yang berkembang dari segi politik, sosial, budaya dan pusat pelancongan di Perak
























**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGENAL
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN BIL. 2/2018**

Tarikh : 1 Oktober 2018 (Isnin)
Masa : 10.00 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Timbalan Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan), Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan**

HADIR:

1. YB Dato' Ngeh Koo Ham - Pengerusi
Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
2. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Aulong
3. YB Encik Chaw Kam Foon
Ahli Dewan Negeri Mengelembu
4. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen
Ahli Dewan Negeri Canning
5. YB Datuk Dr Wan Norashikin Binti Wan Noordin
Ahli Dewan Negeri Kampung Gajah
6. YB Encik Maslin Sham Bin Razman
Ahli Dewan Negeri Bukit Chandan
7. Encik Kamarulariffin bin Haji Ayub - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

8. Puan Roslinda Binti Chazali
Arkitek Kanan
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
9. Puan Farahazliza Hazie binti Abu Hari
Arkitek
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
10. Encik Mohammad Haridzan Bin Abdullah
Jurutera Awam (Bangunan)
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak

11. Encik Mohd Sani Bin Kamaruddin
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
12. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
13. Cik Zarith Farah Syafinaz Binti Md Sani
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Dato' Nolee Ashilin Binti Mohamed Radzi
Ahli Dewan Negeri Tualang Sekah

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YB Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan selamat pagi dan salam sejahtera kepada setiap ahli mesyuarat.
- 1.2 Seterusnya, memperkenalkan setiap ahli dan urus setia yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 2/2018.

Tindakan: Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 1/2018 pada 1 Februari 2018 disahkan tanpa pindaan.

Tindakan: Makluman

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 **Pandangan daripada Ahli Mesyuarat Perancangan Pembinaan Bangunan Baharu**
 - 3.1.1 Mesyuarat telah mengambil maklum adalah perlu mengambil kira daripada pelbagai aspek untuk perkara ini diteruskan. Pengerusi mencadangkan keputusan perlu dibuat berdasarkan kos, keselamatan bangunan dan reka bentuk.
 - 3.1.2 Pengerusi menjelaskan kepada mesyuarat bahawa Bangunan Dewan Negeri perlu berasingan daripada bangunan Kerajaan selaras dengan sistem dan amalan demokrasi berpelembagaan.
 - 3.1.3 YB Ahli Dewan Negeri Kampong Gajah berpendapat bahawa perkara ini perlu diteruskan dan mengambil kira lokasi supaya ia tidak dibina di tapak yang tidak bersesuaian.
 - 3.1.4 YB Ahli Dewan Negeri Bukit Chandan berpendapat agar perkara ini diteruskan berdasarkan keperluan pengasingan Dewan Negeri dan Bangunan Kerajaan. Begitu juga kepada YB Ahli Dewan Negeri Canning dan Mengelembu.

Tindakan: Makluman

3.2 Lokasi dan Kos Pembinaan Bangunan Baharu

- 3.2.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan Bangunan Dewan Negeri adalah di Meru, Ipoh berhadapan dengan bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang berkeluasan 14.21 ekar.
- 3.2.2 Manakala anggaran kos awalan yang telah dimaklumkan pada Mesyuarat Bil. 1/2018 adalah berjumlah RM64 juta.
- 3.2.3 Mesyuarat turut dimaklumkan Bangunan ini akan dibina berdekatan dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan yang baharu. Walau bagaimanapun, keutamaan pembinaan akan diberikan kepada Bangunan Dewan Negeri yang baharu.
- 3.2.4 Selain daripada itu, mesyuarat juga mengambil maklum bahawa pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu memohon pertimbangan MMK untuk diberikan kos awalan gerak kerja pembinaan Bangunan Dewan Negeri yang baharu.

Tindakan: Makluman

3.3 Pembentangan Kronologi Pembangunan

- 3.3.1 Mesyuarat mengambil maklum Kronologi Pembangunan Bangunan Dewan Negeri Yang Baharu seperti di Lampiran.

Tindakan: Makluman

4. SUMBER PERUNTUKAN/DANA PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU

4.1 Pandangan/Ulasan Daripada Ahli Mesyuarat

- 4.1.1 YB Ahli Dewan Negeri Aulong memberikan pendapat untuk JKR menyediakan kertas kerja yang lengkap beserta anggaran kos dan seterusnya menghantar permohonan kewangan ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Ia juga berpotensi untuk dimasukkan ke kajian semula Rancangan Malaysia ke-11 dan peruntukan akan diberi secara berperingkat.

Tindakan: JKR

5. PENYELIDIKAN PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK

5.1 Bahagian Penyelidikan & Perpustakaan, Parlimen Malaysia

5.1.1 YB Ahli Dewan Negeri Aulong turut mencadangkan untuk berhubung dengan Bahagian Penyelidikan & Perpustakaan Parlimen yang telah bersetuju menjalankan penyelidikan setiap fungsi, komponen serta reka bentuk dan pembentangan pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak kepada Jawatankuasa.

5.1.2 YB Ahli Dewan Negeri Bukit Chandan menyokong cadangan daripada YB Ahli Dewan Negeri Aulong.

Tindakan: Bahagian Dewan Negeri

6. BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK

6.1 Ikon Negeri Perak

6.1.1 YB Ahli Dewan Negeri Aulong memberi maklum kepada mesyuarat bahawa Bangunan Dewan Negeri merupakan ikon atau mercu tanda sesebuah Negeri.

6.1.2 Oleh yang sedemikian, ia perlu dibina dengan teliti berdasarkan beberapa ciri-ciri tertentu yang mewakili Negeri Perak dan merupakan institusi perundangan tertinggi.

Tindakan: JKR

7. PEMBENTANGAN DARIPADA JKR

7.1 Lokasi Tapak Cadangan

7.1.1 JKR memberi maklum kepada mesyuarat kedudukan tapak cadangan mempunyai tarikan yang tersendiri. Antaranya adalah :

- i) Berada di atas bukit;
- ii) Lokasi yang menarik;
- iii) Terletak di zon kawasan kompleks Bangunan-bangunan Kerajaan;
- iv) Berpotensi menjadi ikon kepada Negeri Perak; dan
- v) Tarikan pelancong

7.1.2 JKR seterusnya memberi maklum kepada mesyuarat, walau bagaimanapun terdapat kelemahan tapak yang perlu diambil kira. Antaranya adalah :

- i) Pembinaan di lereng bukit akan melibatkan kos yang tinggi;
- ii) Keluasan yang terhad;
- iii) Kos bina dan selenggara kerana terdapat *slope protection* yang tinggi;
- iv) Pembangunan masa hadapan yang terhad;
- v) Tidak mesra pengguna kerana kedudukan yang tinggi;
- vi) Jangka masa pembinaan yang lebih panjang;
- vii) Sistem keselamatan yang tinggi; dan
- viii) Terasing daripada pembangunan kawasan sekitar.

7.1.3 JKR juga memaklumkan risiko pembinaan di lokasi ini adalah :

- i) Pencemaran alam sekitar;
- ii) Risiko pembangunan lereng bukit;
- iii) Tanah runtuh;
- iv) Banjir lumpur;
- v) Risiko tambahan kos pembinaan; dan
- vi) Kegagalan projek lebih tinggi.

Tindakan: JKR

7.2 Konsep dan Reka Bentuk

7.2.1 JKR seterusnya memberi maklum kepada mesyuarat konsep dan reka bentuk bangunan ini mengambil kira untuk mewujudkan sebuah bangunan ikonik yang berkembang dari segi sosial, politik, budaya dan pusat pelancongan di Negeri Perak.

7.2.2 Oleh yang sedemikian, pendekatan sinibina pula adalah :

- i) Sirkulasi;
- ii) Akustik;
- iii) Pencahayaan yang baik;
- iv) Elemen hijau;
- v) Elemen air;
- vi) Identiti senibina Negeri Perak; dan
- vii) Mesra pengguna.

7.2.3 Selain daripada itu, ia juga berkonsepkan mesra rakyat, bangunan lestari, sijil platinum JBI, penggunaan elemen kayu dan metafora *success story*.

Tindakan: JKR

7.3 Komponen dan fasiliti

7.3.1 Manakala setiap komponen yang akan dibina adalah berdasarkan setiap keperluan pelanggan.

Tindakan: JKR

7.4 Pendekatan Senibina dan Identiti Negeri Perak

7.4.1 JKR juga memberi maklum bahawa beberapa bangunan ikon Negeri Perak dijadikan rujukan kepada senibina Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak. Antaranya adalah Istana Kuning dan Masjid Ubudiyah.

7.4.2 Mesyuarat diberi maklum bahawa elemen seperti tekad dan labu sayong akan dimasukkan bersekali melambangkan identiti Negeri Perak.

Tindakan: JKR

8. ISU-ISU LAIN DARIPADA JKR

8.1 JKR memaklumkan bahawa peruntukan kerja-kerja awalan sehingga kini masih belum diterima. Ini diperlukan untuk :

- i) Laporan penyiasatan dan kestabilan cerun;
- ii) Kerja ukur tanah;
- iii) Laporan penilaian kesan kepada alam sekitar;
- iv) Pembangunan yang dicadangkan hendak di perakukan oleh Jawatankuasa Teknikal Tanah Tinggi dan Cerun Negeri Perak (JTTC).

8.2 Kaedah pelaksanaan belum ditentukan.

8.3 Tiada kos siling projek.

8.4 Pengesahan brif.

Tindakan: JKR

9. PANDANGAN/ULASAN DARIPADA AHLI MESYUARAT

9.1 KELUASAN TAPAK LOKASI DAN KOS PEMBINAAN

- 9.1.1 Pengerusi menjelaskan kekhuatiran keluasan tapak yang boleh digunapakai di lokasi cadangan.
- 9.1.2 Keadaan lokasi yang terletak di tanah tinggi dijangka akan melibatkan kos yang tinggi.
- 9.1.3 Beliau juga berpendapat sekiranya terdapat tapak lokasi lain yang boleh dipertimbangkan.
- 9.1.4 YB Ahli Dewan Negeri Aulong turut mengesyorkan kepada Setiausaha sekiranya terdapat agensi yang mempunyai tanah untuk dibangunkan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak. Sekaligus dapat menjimatkan kos pembinaan.
- 9.1.5 YB Ahli Dewan Negeri Bukit Chandan mencadangkan lokasi tapak dikekalkan di kawasan Meru, Ipoh.
- 9.1.6 JKR turut memberikan pendapat bahawa tapak yang landai adalah lebih bersesuaian dan boleh menjimatkan kos.
- 9.1.7 Pengerusi seterusnya mencadangkan semua Ahli Mesyuarat untuk melawat kawasan sebaik sahaja mesyuarat ditamatkan.

Tindakan: JKR

9.2 TAKUNGAN AIR BERDEKATAN DENGAN TAPAK LOKASI

- 9.2.1 Hasil daripada pembentangan, YB Ahli Dewan Negeri Aulong mendapati terdapat takungan air berdekatan dengan tapak lokasi. Walau bagaimanapun, JKR memberi maklum belum mengenalpasti takungan air tersebut dan akan menjalankan kaji selidik keseluruhan kawasan.
- 9.2.2 Beliau juga bersetuju untuk kaji selidik ke atas tapak lokasi dijalankan.

Tindakan: JKR

9.3 REKA BENTUK

- 9.3.1 Pengerusi memberikan ulasan draf reka bentuk yang dicadangkan begitu menarik dan masih terdapat penambahbaikan yang boleh dilakukan di bahagian bumbung bangunan.
- 9.3.2 Beliau mencadangkan agar bumbung bangunan perlu bercirikan masa hadapan (futuristic).
- 9.3.3 Beliau juga mencadangkan agar diambil kira bangunan supaya mesra Orang Kurang Upaya (OKU).
- 9.3.4 YB Ahli Dewan Negeri Aulong mencadangkan untuk merujuk garis panduan pembinaan bangunan baharu mesra OKU.

Tindakan: JKR

9.4 PENCAHAYAAN BANGUNAN YANG BAIK

- 9.4.1 YB Ahli Dewan Negeri Aulong memberi maklum kepada mesyuarat bahawa pencahayaan yang baik juga memainkan peranan yang penting dan Dewan Undangan Negeri Melaka mempunyai pencahayaan yang amat baik secara semulajadi, selesa dan tidak panas.

Tindakan: JKR

10. KETETAPAN MESYUARAT

- 10.1.1 Mesyuarat bersetuju untuk perancangan pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak diteruskan.
- 10.1.2 Mesyuarat bersetuju supaya kertas kerja yang lengkap beserta anggaran permohonan peruntukan dihantar kepada Kerajaan Persekutuan.
- 10.1.3 Mesyuarat bersetuju untuk tapak lokasi yang lain sekitar Meru, Ipoh dikenalpasti, jika perlu.
- 10.1.4 Mesyuarat bersetuju agar penyelidikan berkaitan komponen dan fungsi pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak dilaksanakan oleh Unit Penyelidikan Parlimen Malaysia.

- 10.1.5 Mesyuarat bersetuju supaya hasil penyelidikan Unit Penyelidikan Parlimen Malaysia dibentangkan kepada Ahli Mesyuarat pada Mesyuarat Bil.3/2018.
- 10.1.6 Mesyuarat bersetuju supaya pihak JKR mengemukakan permohonan untuk mendapatkan peruntukan khas berjumlah RM100 ribu daripada Kerajaan Negeri melalui pertimbangan MMK bagi pelaksanaan kos awalan.
- 10.1.7 Mesyuarat bersetuju untuk urus setia melaksanakan perbincangan awalan bersama Unit Penyelidikan, Parlimen sebelum Mesyuarat Bil.3/2018.
- 10.1.8 Mesyuarat bersetuju untuk Mesyuarat Bil.3/2018 dilaksanakan di Bangunan Parlimen Malaysia pada 13 November 2018 (Selasa).

Tindakan: Bahagian Dewan Negeri dan JKR

11. PENUTUP

- 5.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.

Disediakan oleh:



(NADIA BINTI ZULKIFLI)
Urus Setia
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Disemak oleh:



(KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB)
Setiausaha
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Disahkan oleh:



(Dato' Ngeh Koo Ham)
Pengerusi
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGENAL
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN BIL. 3/2018**

Tarikh : 13 November 2018 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Jawatankuasa 1
Blok Utama, Bangunan Parlimen Malaysia

HADIR:

- | | | | |
|----|--|---|------------|
| 1. | YB Dato' Ngeh Koo Ham Yang Dipertua Dewan Negeri Perak | - | Pengerusi |
| 2. | YB Encik Chaw Kam Foon Ahli Dewan Negeri Mengelembu | | |
| 3. | YB Cik Jenny Choy Tsi Jen Ahli Dewan Negeri Canning | | |
| 4. | YB Encik Maslin Sham Bin Razman Ahli Dewan Negeri Bukit Chandan | | |
| 5. | Encik Kamarulariffin bin Haji Ayub Setiausaha Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan | - | Setiausaha |

TURUT HADIR:

6. Cik Aida Hazlyn Binti Hassan
Timbalan Pegawai Kewangan, SUK Perak
7. Encik Abdul Majid Bin Abdul Rahim
Ketua Penolong Pengarah UPEN, SUK Perak
8. Encik Johari Sham Bin Ahmad Shohor Affendi
Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Khidmat Pengurusan, SUK Perak
9. Tuan Haji Norazmi Bin Abdullah
Pengarah Keselamatan, CGSO Negeri Perak
10. Encik Mohd Nafran Bin Mohd Noh
Penolong Pengarah, CGSO Negeri Perak
11. Encik Roslan Bin Awang@Abdullah
Timbalan Pengarah, Jabatan Penyiaran Negeri Perak
12. Encik Mohd Rizman Bin Sultan Mohd
Jurutera, Jabatan Penyiaran Negeri Perak

13. Puan Roslinda Binti Ghazali
Arkitek Kanan, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
14. Ir Maznah Binti Ahmad
Jurutera Elektrik Kanan, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
15. Encik Mohammad Haridzan Bin Abdullah
Jurutera Awam (Bangunan), Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
16. Puan Farahazliza Hazie binti Abu Hari
Arkitek, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
17. Puan Norjuliza Azlina Bt Mohd Basri
Jurutera Awam, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
18. Encik Roslan Bin Ahmad
Juruukur Bahan Penguasa, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
19. Dr. Muhamad Sayuti bin Hassan @ Yahya
Parlimen Malaysia
20. Ir Mohammad Nazri Bin Sulaiman
Parlimen Malaysia
21. Encik Norazmi Bin Bakar
Parlimen Malaysia
22. Puan Izzatul Binti Rosly
Parlimen Malaysia
23. Encik Mohd Fauzie Bin Abd Rahim
Parlimen Malaysia
24. Encik Mohamed Zainul Ariffin Bin Mohamed Kassim
Parlimen Malaysia
25. Encik Nor Affandi Bin Mohamed Rashid
Parlimen Malaysia
26. Encik Faisal Eddly Bin Azhar
Parlimen Malaysia
27. Encik Mohd Sukor Bin Abu
Penolong Pegawai Tanah, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Perak
28. Encik Ahmad Zikril Naim Bin Md Salleh
Penolong Pegawai Tanah, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Perak
29. Encik Muhammad Nor Fitri Bin Ghazali
Penolong Pegawai Tanah, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Perak

30. Encik Mohd Sani Bin Kamaruddin
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
31. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
32. Cik Zarith Farah Syafinaz Binti Md Sani
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Aulong
2. YB Dato' Nolee Ashilin Binti Mohamed Radzi
Ahli Dewan Negeri Tualang Sekah
3. YB Datuk Dr Wan Norashikin Binti Wan Noordin
Ahli Dewan Negeri Kampung Gajah

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YB Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan selamat pagi, salam sejahtera dan selamat datang kepada setiap ahli mesyuarat.
- 1.2 Seterusnya, menyatakan keperluan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 2/2018 dibuat di Bangunan Parlimen bagi mengambilkira setiap fasiliti di Bangunan Parlimen yang boleh diambilkira dalam pembinaan cadangan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak.
- 1.3 Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pasukan daripada Parlimen Malaysia yang sentiasa memberikan kerjasama dan maklumbalas awal untuk tujuan ini.
- 1.4 Setiausaha seterusnya menyampaikan ringkasan kronologi kepada mesyuarat.

Tindakan: Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 2/2018 pada 1 Oktober 2018 disahkan tanpa pindaan.

Tindakan: Makluman

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Ringkasan Kronologi

- 3.1.1 Mesyuarat diberi maklum ringkasan kronologi pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak yang disampaikan oleh Setiausaha Jawatankuasa.

Tindakan: Makluman

3.2 Lokasi dan Kos Pembinaan Bangunan Baharu

- 3.2.1 YB Dato' Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa kawasan 14 ekar yang dikenalpasti, hanya 7 ekar boleh digunapakai untuk tujuan pembinaan berdasarkan lawatan tapak yang telah dibuat selepas Mesyuarat Bil.2/2018.

- 3.2.2 Mesyuarat turut dimaklumkan gerak kerja ukur tapak telah pun dilaksanakan dengan kerjasama daripada pihak PTG dan *masterplan* juga telah diedarkan kepada JKR untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan: Makluman

4. TAKLIMAT DAN PEMBENTANGAN JKR

4.1 Cadangan Lokasi dan Tapak Projek

- 4.1.1 Keluasan tanah milik Kerajaan Negeri ini telah diterima daripada PTG melalui urus setia berkeluasan 14.21 ekar dan pembentangan yang dijalankan adalah berdasarkan tapak ini.
- 4.1.2 JKR memaklumkan mesyuarat berdasarkan bentuk muka bumi tapak cadangan, ukur aras tidak dapat dijalankan buat masa ini. Manakala berdasarkan lawatan tapak, didapati sebahagian besar ketinggian tapak tersebut adalah melebihi 50 meter dan puncak yang tertinggi adalah 62.5 meter.

Tindakan: Makluman

4.2 Cadangan Konsep dan Rekabentuk Projek

- 4.2.1 Berdasarkan pembentangan pada Mesyuarat Bil. 2/2018 dan akan menerapkan konsep *futuristic* kepada bumbung seperti yang dicadangkan oleh YB Dato' Pengerusi.

Tindakan: JKR

4.3 Cadangan Komponen / Fasiliti Projek

- 4.3.1 JKR memberi maklum mesyuarat bahawa komponen dan fasiliti yang disenaraikan perlu disenaraikan dengan lebih terperinci berdasarkan keperluan Dewan Negeri Perak yang baharu.
- 4.3.2 JKR seterusnya, memberi maklum perancangan komponen perlulah disediakan untuk kegunaan jangkaan sehingga 30 tahun yang akan datang.

Tindakan: Bahagian Dewan Negeri

4.4 Anggaran Kos Awalan Keseluruhan Projek

4.4.1 Jumlah anggaran kos awalan keseluruhan projek berdasarkan beberapa kriteria yang telah dipertimbangkan adalah RM242 juta dan ia bersifat pembinaan yang berkualiti tinggi.

4.4.2 JKR seterusnya memaklumkan selain pembinaan bangunan akan terdapat kerja-kerja pakar yang lain melibatkan kos-kos tambahan diperlukan memandangkan tapak cadangan berada di tempat yang tinggi. Antaranya adalah penstabilan cerun, kerja-kerja tanah dan lain-lain.

Tindakan: Makluman

4.5 Cadangan Jadual Pelaksanaan Bagi Kaedah Pelaksanaan

4.5.1 JKR mencadangkan 3 kaedah pelaksanaan kepada mesyuarat, iaitu:

- i. Cadangan pertama adalah kaedah konvensional (dalaman) tanpa melibatkan agensi atau perunding daripada luar. Jangkaan gerak kerja melalui kaedah ini bermula pada September 2019;
- ii. Cadangan kedua adalah kaedah konvensional (perunding). Jangkaan gerak kerja melalui kaedah ini bermula pada Disember 2019; atau
- iii. Cadangan ketiga adalah kaedah reka dan bina. Melalui kaedah ini gerak kerja boleh dimulakan lebih awal iaitu dijangka pada bulan Julai 2019.

4.5.2 Gerak kerja setiap kaedah cadangan adalah bergantung kepada faktor:

- i. Ketetapan tapak;
- ii. Siling peruntukan (merupakan isu utama); dan
- iii. Brif projek daripada Bahagian Dewan Negeri

Tindakan: Makluman

5. LAPORAN DARIPADA PTG

5.1 Kerja Ukur Tanah

- 5.1.1 Mesyuarat dimaklumkan, kerja ukur tapak cadangan 14.21 ekar di Bandar Meru Raya telah dilaksanakan pada 22 sehingga 25 Oktober 2018.
- 5.1.2 PTG memaklumkan mesyuarat bahawa, tapak asal kawasan ini adalah berkeluasan 50 ekar yang keseluruhannya diluluskan untuk cadangan Kompleks Kerajaan Negeri Perak. Manakala, tapak Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak adalah seluas 14.21 ekar di dalam 50 ekar tersebut.
- 5.1.3 Kerja-kerja yang dilaksanakan oleh PTG adalah;
- i. Pengukuran;
 - ii. Penandaan sempadan; dan
 - iii. Pengukuran aras.
- 5.1.4 Seterusnya, PTG memaklumkan pengukuran aras yang dijalankan adalah menggunakan iaitu kaedah drone. Tetapi tidak dilakukan pengukuran *level* seperti yang dijalankan oleh juru ukur swasta.
- 5.1.5 Manakala, penandaan sempadan pula *tagging* telah diletakkan di kawasan 14.21 ekar. (Edaran *masterplan* adalah dirujuk).
- 5.1.6 Merujuk kepada kawasan 50 ekar pula, didapati keseluruhan kawasan adalah berbukit dan di tempat yang tinggi. Semua berada di aras yang sama iaitu 1.55 ketinggian daripada aras laut.
- 5.1.7 PTG turut memaklumkan seperti berikut :
- i. Mencadangkan kepada mesyuarat agar Kerajaan Negeri mengeluarkan permit bahan batu / tanah merah. Ini bertujuan untuk mengurangkan kos pembinaan; dan
 - ii. Memohon kerjasama JKR untuk memaklumkan berapa yang perlu dipotong agar pengeluaran tanah merah boleh dijalankan.

Tindakan: Makluman

6. PANDANGAN / ULASAN AHLI MESYUARAT

6.1 Laluan Jalan Masuk Ke Kawasan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak

- 6.1.1 YB Dato' Pengerusi turut menyampaikan keperihatinan berkenaan tapak sedia ada, diguna pakai tanpa melibatkan sebarang usikan kepada lereng bukit dan hanya dengan 14.2 ekar, tiada melibatkan sebarang kesukaran mahu pun kos yang tinggi.
- 6.1.2 Mesyuarat dipaparkan visual kawasan untuk paparan lebih jelas kepada Ahli Mesyuarat.
- 6.1.3 JKR memberikan gambaran, jalan masuk bangunan ini akan dibina seperti jalan masuk Istana Melawati Kerajaan Negeri Selangor, Putrajaya.
- 6.1.4 JKR juga memaklumkan, pembinaan jalan masuk bangunan akan menggunakan elemen semula jadi dan konkrit berdasarkan ketinggian tapak. Walau bagaimanapun, kerja-kerja penstabilan cerun akan masih melibatkan kos yang tinggi.
- 6.1.5 YB Dato' Pengerusi memberi maklum untuk laluan masuk Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak perlulah berasingan daripada laluan-laluan masuk kompleks Kerajaan lain yang berada di dalam kawasan yang sama.
- 6.1.6 JKR turut memaklumkan mesyuarat, adalah berkemungkinan akan terdapat 3 laluan jalan masuk di kawasan sekitar.

Tindakan: Makluman

6.2 Perancangan Keseluruhan Tapak Berkeluasan 50 Ekar

- 6.2.1 Berdasarkan semakan yang telah dilakukan oleh PTG, hanya 2 buah kompleks yang didapati di kawasan ini. Iaitu; Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak dan kompleks Kerajaan Negeri yang belum dinyatakan nama agensi tetapi hanya dilorekkan.

Tindakan: Makluman

6.3 Pembinaan Dinding Konkrit

- 6.3.1 YB Dato' Pengerusi turut memberikan pandangan agar JKR mencadangkan alternatif terbaik untuk dibina Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak. Terutamanya yang melibatkan pembinaan dinding konkrit yang melibatkan kesan-kesan sampingan dan kos yang tinggi.
- 6.3.2 Beliau juga memaklumkan mesyuarat, kawasan semula jadi yang tidak diusik adalah yang terbaik dan memohon JKR untuk menyatakan jumlah keluasan tanah yang diperlukan. Ini bertujuan untuk laluan jalan masuk, tidak melibatkan kecerunan yang tinggi dan penjimatan kos.
- 6.3.3 Panduan JKR adalah amat diperlukan untuk Kerajaan Negeri membuat keputusan.

Tindakan: Makluman

6.4 Keperluan JKR

- 6.4.1 Seterusnya, JKR memaklumkan mesyuarat untuk melaksanakan *survey* terhadap keseluruhan kawasan 50 ekar tersebut agar kawasan terbaik dapat dikenal pasti dan tidak hanya bergantung kepada 14.2 ekar itu sahaja.
- 6.4.2 PTG turut memaklumkan mesyuarat bahawa kontur plan kawasan boleh didapati daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan JKR akan mendapatkannya.
- 6.4.3 Walau bagaimanapun, JKR memaklumkan RM100 ribu peruntukan yang diberikan adalah tidak mencukupi kerana perkhidmatan daripada juru ukur adalah diperlukan untuk perincian yang lebih baik.
- 6.4.4 YB Dato' Pengerusi mencadangkan untuk dijalankan *survey* yang lebih ringkas dan menepati keperluan serta tidak melibatkan kos yang tinggi.
- 6.4.5 PTG mencadangkan untuk menggunakan *drone* kepada keseluruhan kawasan berkeluasan 50 ekar tersebut dan pelan akan diberikan kepada JKR untuk perancangan seterusnya.

Tindakan: Makluman

6.5 Maklumbalas daripada Parlimen Malaysia

- 6.5.1 Selain daripada maklumbalas daripada Mesyuarat Awalan, Parlimen Malaysia juga turut memberikan maklumat tambahan pada mesyuarat kali ini.
- 6.5.2 Bahagian Selenggara dan Bangunan telah berkongsi informasi di mana bilik keselamatan dan bilik penyelenggaraan perlu diasingkan kerana mempunyai fungsi yang berlainan.
- 6.5.3 Bahagian Keselamatan turut memberikan cadangan untuk memperkemaskan setiap sistem keselamatan Parlimen. Termasuk pengasingan laluan di antara Ahli Dewan Undangan Negeri, kakitangan dan orang awam.
- 6.5.4 Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan memberikan cadangan kepada mesyuarat kepentingan untuk diadakan kemudahan OKU dengan membina bangunan yang mesra OKU. Antaranya adalah; meja rendah di dalam Dewan Persidangan, kemudahan di kantin, surau dan sebagainya. Ini disokong oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Menglembu.

Tindakan: Makluman

6.6 Peruntukan Pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak

- 6.6.1 Pejabat Kewangan Negeri memohon penjelasan daripada mesyuarat sama ada peruntukan yang akan diperolehi adalah permohonan Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan khusus untuk pembangunan ini atau berbentuk pinjaman.
- 6.6.2 Berdasarkan pembinaan Dewan Negeri Perak sedia ada, permohonan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan telah diperolehi melalui Kementerian Kewangan berjumlah RM40 juta dan telah selesai pada bulan Januari 2018.
- 6.6.3 YB Dato' Pengerusi mencadangkan untuk mendapatkan geran daripada Kerajaan Persekutuan dan akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Kewangan sekiranya terdapat peruntukan.
- 6.6.4 Manakala Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), bersedia untuk menguruskan permohonan peruntukan berdasarkan indikasi yang akan diberikan oleh YB Dato' Pengerusi.

Tindakan: Makluman

6.7 Maklumbalas daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Perak (CGSO)

- 6.7.1 CGSO memberikan cadangan untuk sistem keselamatan yang akan digunapakai oleh Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak perlulah bersifat terkini.
- 6.7.2 CGSO akan bekerjasama dengan JKR untuk setiap perincian keselamatan bangunan.
- 6.7.3 Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak juga perlu diwartakan sebagai kawasan larangan agar keselamatan kawasan lebih terpelihara.

Tindakan: Makluman

7. KETETAPAN MESYUARAT

- 7.1 Mesyuarat bersetuju untuk pihak JKR memberikan ulasan teknikal terhadap pembentangan yang telah dibuat terhadap tapak cadangan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak.

Tindakan: JKR

- 7.2 Mesyuarat bersetuju untuk pihak PTG melaksanakan survey kontur tapak dan pelan akan diberikan kepada JKR.

Tindakan: PTG

- 7.3 Mesyuarat bersetuju untuk YB Dato' Pengerusi mengadakan perbincangan bersama Kementerian Kewangan sebagai alternatif kepada cadangan yang diberikan oleh PKN dan UPEN seperti yang dinyatakan di para 6.6 minit mesyuarat ini.

Tindakan: YB Dato' Pengerusi

- 7.4 Mesyuarat bersetuju untuk mendapatkan pelan topografi daripada PKNP dan kemaskini keluasan kawasan yang akan digunakan untuk tujuan pembinaan. Seterusnya, akan dibincangkan pada mesyuarat akan datang.

Tindakan: Bahagian Dewan Negeri

8. PENUTUP


- 8.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi.

Disediakan oleh:




(NADIA BINTI ZULKIFLI)
Urus Setia
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Disemak oleh:



(KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB)
Setiausaha
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Disahkan oleh:



(YB DATO' NGEH KOO HAM)
Pengerusi
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGENAL
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN BIL. 1/2019**

Tarikh : 12 Februari 2019 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Timbalan Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan), Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan**

HADIR:

1. YB Dato' Ngeh Koo Ham - Pengerusi
Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
2. YB Tuan Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Aulong
3. YB Dato' Nolee Ashilin Binti Mohamed Radzi
Ahli Dewan Negeri Tualang Sekah
4. YB Datuk Wan Norashikin Binti Wan Noordin
Ahli Dewan Negeri Kampung Gajah
5. YB Tuan Maslin Sham Bin Razman
Ahli Dewan Negeri Bukit Chandan
6. Encik Kamarulariffin bin Haji Ayub - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

7. Dato' Rumaizi Bin Baharin@Md.Daud
Pengarah,
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak
8. Encik Abdul Majid Bin Abdul Rahim
Ketua Penolong Pengarah 1,
Unit Perancang Ekonomi Negeri
9. YM Tengku Siliawati Binti Tengku Salim
Pegawai Tadbir dan Diplomatik,
Pejabat Kewangan Negeri Perak
10. Puan Roslinda Binti Ghazali
Arkitek Kanan,
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak

11. Mohd Faizal Bin Sabuan
Jurutera Elektrik,
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
12. Puan Norjuliza Azlina Binti Mohd Basri
Jurutera Awam (Bangunan),
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
13. Puan Ghoyatul Quswa Binti Abdul Rashid
Penolong Jurutera,
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
14. Encik Mohamad Isman Khairi Bin Ismail
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
15. Encik Muhammad Nor Fitri Bin Ghazali
Penolong Pegawai Tanah,
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak
16. Encik Mohd Sani Bin Kamaruddin
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
17. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
18. Puan Noor Farahin binti Jamil
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen
Ahli Dewan Negeri Canning
2. YB Encik Chaw Kam Foon
Ahli Dewan Negeri Mengelembu

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan salam sejahtera dan selamat kembali bertugas kepada ahli Mesyuarat.

Tindakan: Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 3/2018 pada 13 November 2018 disahkan tanpa pindaan dan disokong oleh ADUN Bukit Chandan.

Tindakan: Makluman

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Ketetapan Mesyuarat Jawatankuasa Bil.3/2018

- 3.1.1 YB Dato' Pengerusi mencadangkan mesyuarat pada kali ini untuk menyemak ketetapan Mesyuarat Jawatankuasa yang lalu serta pelaksanaan yang telah dijalankan.

Tindakan: Makluman

4. PERUNTUKAN KEWANGAN DARIPADA KEMENTERIAN KEWANGAN

- 4.1 YB Dato' Pengerusi telah membuat cadangan secara *informal* dan akan melakukan semakan susulan maklum balas daripada Kementerian.

Tindakan: Makluman

5. ULASAN TEKNIKAL TAPAK CADANGAN DARIPADA JKR

5.1 Komplikasi Kewangan

- 5.1.1 JKR memaklumkan kepada mesyuarat, pelan kontur tapak cadangan kedua telah pun diterima daripada pihak PTG. Berdasarkan pelan tersebut, tidak terdapat banyak perbezaan dari segi anggaran kos pembinaan dibandingkan dengan tapak cadangan pertama.

- 5.1.2 Sekiranya pembinaan yang akan dilaksanakan tapak cadangan kedua memerlukan keluasan sebanyak 14 ekar, JKR telah melakukan anggaran keluasan bermula daripada ketinggian yang paling rendah (terletak di hujung projek Arkib).
- 5.1.3 Perlu dilaksanakan pengeluaran tanah dan ini akan mengurangkan sejumlah 41 meter ketinggian. Anggaran kos untuk proses pengeluaran tanah ini adalah sebanyak RM41 juta.
- 5.1.4 JKR turut memaklumkan kos ini akan dimasukkan bersekali dengan keseluruhan harga kontrak dan bukan merupakan kos tambahan.

Tindakan: Makluman

5.2 Laluan Jalan Masuk ke Bangunan Baharu

- 5.2.1 Berdasarkan keperihatinan Ahli Mesyuarat pada mesyuarat yang lalu berkenaan laluan masuk ke kawasan Bangunan Baharu, JKR turut memberikan maklumbalas bahawa laluan masuk adalah bersesuaian dibina bersebelahan bangunan Arkib yang berkeluasan 50 kaki.

Tindakan: Makluman

5.3 Tapak Cadangan Pilihan Pertama dan Tapak Cadangan Pilihan Kedua

| | Tapak Cadangan Pertama | Tapak Cadangan Kedua |
|-------|--|---|
| 5.3.1 | Tapak lebih tinggi dan mempunyai kolam | Tapak lebih rendah |
| 5.3.2 | Memerlukan kos yang tinggi untuk <i>slope protection</i> | Mempunyai projek di sekitar bahagian depan tapak dan ini akan mengganggu <i>slope</i> sedia ada |
| 5.3.3 | Mempunyai kolam yang belum dikenalpasti | Sekiranya bangunan baharu perlu berada sama aras dengan Arkib, <i>slope</i> yang lain perlu diadakan di bahagian belakang |

Tindakan: Makluman

6. PANDANGAN / ULASAN AHLI MESYUARAT

6.1 Pandangan/Ulasan daripada PTG

- 6.1.1 YB Dato' Pengarah PTG menyatakan kepada mesyuarat bahawa 14 ekar keluasan dengan 41 meter tinggi adalah bersamaan dengan 4.3 juta meter tan tanah akan dipindahkan.
- 6.1.2 Oleh itu, kiraan hasil iaitu satu (1) metrik tan berharga RM1.50 dan dengan 4.3 juta metrik tan menjumlahkan hasil sebanyak RM6.5 juta berbentuk doket yang memerlukan pembeli.
- 6.1.3 Tambahan beliau, daripada hasil juga akan boleh diguna pakai untuk pembayaran laporan EIA yang mungkin menelan belanja lebih daripada RM100 ribu ke atas.
- 6.1.4 Selain daripada itu, beliau juga turut memberikan maklumbalas kepada mesyuarat berkenaan setiap tanah landai yang berada di kawasan sekitar tapak cadangan.

Tindakan: Makluman

6.2 Pandangan/Ulasan daripada Ahli Jawatankuasa

- 6.2.1 ADUN Aulong memberikan pandangan untuk mencari alternatif lain dengan mencari sumber kewangan melalui memberikan tender tanah ini kepada kontraktor serta mendatangkan hasil dan sekaligus menjimatkan kos pembinaan.
- 6.2.2 Beliau juga menyatakan pendapat bahawa Bangunan Baharu boleh tidak berada berdekatan dengan Bangunan Pentadbiran Kerajaan Negeri sebagai simbolik kepada doktrin pengasingan kuasa seperti Bangunan Parlimen Malaysia.
- 6.2.3 ADUN Kampung Gajah turut bersetuju dengan lokasi sedia ada, walau berjauhan dengan Bangunan Pentadbiran Kerajaan Negeri dan pembinaan perlu lebih berfokus kepada Dewan Negeri yang baharu.
- 6.2.4 YB Dato' Pengerusi mencadangkan kawasan tapak cadangan yang sama berkeluasan 19 ekar yang berbentuk empat segi dan memohon PTG untuk melakukan plot semula.

Tindakan: Makluman

7. HAL-HAL LAIN

7.1 Pembangunan Kediaman Lama Menteri Besar

7.1.1 YB Dato' Pengerusi memberikan pendapat berkemungkinan Kediaman Rasmi Lama Menteri Besar mungkin boleh dijadikan salah satu alternatif sumber pulangan kepada Kerajaan Negeri.

Tindakan: Makluman

7.2 Bengkel Penambahbaikan Perintah-perintah Tetap Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

7.2.1 Bengkel yang dilaksanakan telah dihadiri oleh; Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, Timbalan Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, Mantan Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, Ahli Parlimen, ADUN, Ahli Akademik, Setiausaha Dewan Negeri, Pegawai Penyelidik Parlimen dan Dewan Bahasa & Pustaka.

7.2.2 YB Dato' Pengerusi memaklumkan perkara yang telah diberikan suntikan penambahbaikan Perintah Tetap akan dibentangkan pada Persidangan Dewan Negeri. Antaranya; terdapat beberapa Jawatankuasa baru akan diwujudkan.

7.2.3 Selaras dengan cadangan pembinaan bangunan baharu ini, Bengkel juga telah berbincang dan bersetuju untuk pengasingan kuasa eksekutif dan legislatif dilaksanakan.

7.2.4 Mesyuarat turut dimaklumkan proses pengasingan kuasa ini telah berada di peringkat awal.

Tindakan: Makluman

8. KETETAPAN MESYUARAT

8.1 Mesyuarat bersetuju untuk PTG mengemukakan pelan tapak cadangan pertama dan pelan tapak cadangan kedua kepada JKR seperti yang dibincangkan semasa mesyuarat.

Tindakan: PTG dan JKR

8.2 Mesyuarat bersetuju untuk memohon JKR melaksanakan pembentangan perincian teknikal dan anggaran kos pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak berdasarkan pelan tapak cadangan pertama dan pelan tapak cadangan kedua pada mesyuarat yang akan datang.

Tindakan: JKR

- 8.3 Mesyuarat bersetuju untuk memberikan ketetapan (muktamad) pelan tapak pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak berdasarkan pembentangan kedua-dua tapak cadangan oleh JKR pada mesyuarat yang akan datang.

Tindakan: Jawatankuasa

- 8.4 Mesyuarat bersetuju untuk Mesyuarat Bil.2/2019 dijalankan pada hujung bulan pada hari Jumaat bulan Mac 2019.

Tindakan: B.DN&MMK

9. PENUTUP


- 9.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.05 pagi.

Disediakan oleh:



(NADIA BINTI ZULKIFLI)
Urus Setia
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan
Tarikh : 05/03/2019

Disemak oleh:



(KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB)
Setiausaha
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan
Tarikh : 05/03/2019

Disahkan oleh:



(YB DATO' NGEH KOO HAM)
Pengerusi
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan
Tarikh : 15/03/2019

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BAGI MENGENGKAJI BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN BIL. 2/2019**

**Tarikh : 29 Mac 2019 (Jumaat)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat TSUK (M)
Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan**

HADIR:

1. YB Dato' Ngeh Koo Ham - Pengerusi
Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
2. YB Tuan Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Aulong
3. YB Datuk Wan Norashikin Binti Wan Noordin
Ahli Dewan Negeri Kampung Gajah
4. YB Tuan Maslin Sham Bin Razman
Ahli Dewan Negeri Bukit Chandan
5. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen
Ahli Dewan Negeri Canning
6. Encik Kamarulariffin Bin Haji Ayub - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

7. Encik Roslan Bin Abd Ghani
Timbalan Pengarah,
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
8. Encik Muhammad Harridzan Bin Abdullah
Jurutera,
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
9. Encik Mohd Rizal Bin Ahmad Hariri
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri,
Pejabat Kewangan Negeri

10. Encik Muhammad Amrul Kamalrul Bin Sadri
Penolong Pengarah,
Unit Perancang Ekonomi Negeri
11. Puan Zatusy Syamami Binti Ibrahim
Penolong Pengarah,
Unit Perancang Ekonomi Negeri
12. Encik Mohamad Isman Khairi Bin Ismail
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
13. Encik Muhammad Nor Fitri Bin Ghazali
Penolong Pegawai Tanah,
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak
14. Encik Mohamad Sukor Bin Abu
Penolong Pegawai Tanah,
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak
15. Encik Ahmad Zikril Naim Bin Ghazali
Penolong Pegawai Tanah,
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak
16. Encik Mohd Sani Bin Kamaruddin
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
17. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
18. Puan Noor Farahin binti Jamil
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Encik Chaw Kam Foon
Ahli Dewan Negeri Mengelembu
2. YB Dato' Nolee Ashilin Binti Mohamed Radzi
Ahli Dewan Negeri Tualang Sekah

1. PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat kali ini.

Tindakan : Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 1/2019 pada 12 Februari 2019 disahkan tanpa pindaan dan disokong oleh ADUN Bukit Chandan.

Tindakan : Makluman

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Ketetapan Mesyuarat Jawatankuasa Bil.1/2019

- 3.1.1 YB Dato' Pengerusi meneruskan mesyuarat dengan menyemak setiap ketetapan Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1/2019.

Tindakan : Makluman

3.2 Peruntukan Kewangan Daripada Kementerian Kewangan

- 3.2.1 YB Dato' Pengerusi juga memberi maklum mesyuarat, Kementerian Kewangan telah memberikan maklumbalas terdapat kekangan kewangan dan keutamaan akan diberikan kepada projek berkepentingan rakyat.

Tindakan : Makluman

4. LAPORAN LAWATAN TAPAK OLEH PTG

- 4.1 PTG telah memaklumkan mesyuarat, lawatan tapak secara terperinci telah dijalankan pada hari Khamis 14 Mac 2019 yang turut disertai oleh JKR dan urus setia Jawatankuasa.
- 4.2 PTG telah menjalankan perbincangan bersama JKR dan didapati tapak asal berkeluasan 14 ekar adalah lebih bersesuaian dijalankan pembinaan sekiranya dipersetujui oleh Jawatankuasa.

Tindakan : Makluman

5. PEMBENTANGAN OLEH JKR

5.1 Cadangan Lokasi Projek

| Tapak Cadangan Pertama | Tapak Cadangan Kedua | Tapak Cadangan Ketiga | Tapak Cadangan Keempat |
|--|---|--|--|
| Merupakan tapak asal berkeluasan 14.21 ekar dan anggaran kos awalan keseluruhan projek adalah sebanyak RM 260 juta (tahun 2019). | Digazetkan sebagai tapak pembangunan kediaman Exco Kerajaan Negeri Perak. | Tapak ini telah diwartakan untuk SPRM. | Terletak bersebelahan dengan Sekolah Antarabangsa Tenby dan berada di kawasan perumahan. |
| Tapak yang didapati paling bersesuaian. | Terletak jauh di belakang dan belum mempunyai perancangan laluan masuk. | | |

Tindakan : Makluman

5.2 Hal-hal Lain daripada JKR

- 5.2.1 Seperti mesyuarat sedia maklum dan berdasarkan lawatan tapak yang dijalankan, didapati kawasan tapak berada di tempat yang agak tinggi.
- 5.2.2 JKR turut memaklumkan terdapat garis panduan pembangunan yang perlu dipatuhi sekiranya permohonan pembinaan akan dihantar kepada Kerajaan Persekutuan.
- 5.2.3 Selain daripada itu, pendapat daripada CGSO juga akan diambilkira terutamanya melibatkan pembinaan Bangunan Dewan Negeri.

- 5.2.4 JKR selanjutnya memberi maklum kepada mesyuarat bahawa pembangunan holistik keseluruhan kawasan pembinaan juga perlu disemak sebelum pembinaan Bangunan Baharu dilaksanakan.

Tindakan : Makluman

6. PANDANGAN / ULASAN JAWATANKUASA

- 6.1 ADUN Aulong memberikan pendapat untuk mengambil keseluruhan tapak berkeluasan 50 ekar dipertimbangkan dan membina Bangunan Baharu di puncak yang dinyatakan tanpa menggunakan keseluruhan kawasan.
- 6.2 Oleh yang sedemikian, Bangunan Baharu akan lebih berkonsepkan landskap kehijauan semulajadi dan selaras dengan objektif untuk menjadi mercu tanda Negeri Perak.
- 6.3 ADUN Bukit Chandan dan ADUN Kampung Gajah turut bersetuju dengan saranan JKR dan cadangan daripada ADUN Aulong.
- 6.4 ADUN Aulong turut menyarankan agar pembangunan pembinaan Bangunan Baharu ini boleh dimasukkan sebagai salah satu di dalam Rancangan Malaysia ke 12 (RMKe-12).

Tindakan : Makluman

7. KETETAPAN MESYUARAT

- 7.1 Mesyuarat bersetuju supaya cadangan tersebut diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) agar kawasan keseluruhan 50 ekar diberikan hak milik kepada pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak.

Tindakan : PTG dan B.DN&MMK

- 7.2 Mesyuarat bersetuju agar Mesyuarat Bil.3/2019 dijalankan selepas keputusan daripada MMK diperolehi dan memuktamadkan langkah-langkah seterusnya yang perlu diambil.

Tindakan : B.DN&MMK

8. PENUTUP

- 8.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.

Disediakan oleh:



(NADIA BINTI ZULKIFLI)

Urus Setia

Jawatankuasa Pilihan Khas

Bangunan Baharu Dewan Negeri

Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 3/4/19

Disemak oleh:



(KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB)

Setiausaha

Jawatankuasa Pilihan Khas

Bangunan Baharu Dewan Negeri

Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 3/4/2019

Disahkan oleh:



(YB DATO' NGEH KOO HAM)

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan Khas

Bangunan Baharu Dewan Negeri

Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 10/5/2019

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGENAL
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN BIL. 1/2020**

Tarikh : 11 Feb 2020 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Bhg. Dewan Negeri & MMK
Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan

HADIR:

1. YB Dato' Ngeh Koo Ham - Pengerusi
Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
2. YB Tuan Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Aulong
3. YB Dato' Nolee Ashilin Binti Mohamed Radzi
Ahli Dewan Negeri Tualang Sekah
4. YB Datuk Wan Norashikin Binti Wan Noordin
Ahli Dewan Negeri Kampung Gajah
5. YB Tuan Maslin Sham Bin Razman
Ahli Dewan Negeri Bukit Chandan
6. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen
Ahli Dewan Negeri Canning
7. Encik Muhamad Nazri Bin Abdullah - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

8. Encik Zulhasmi Bin Mohamad
Ketua Penolong Pengarah,
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak
9. Puan Rosmawati Binti Ibrahim
Penolong Pengarah,
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak
10. Puan Siti Suraya Binti Muhamad Taib
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri,
Pejabat Kewangan Negeri
11. Puan Norjuliza Azlina Binti Mohd Basri
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak

12. Puan Ghoyatul Quswa Binti Abdul Rashid
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
13. Encik Amir Fadli Bin Mohamed Halmi
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
14. Encik Afzir Bin Muhamad Wazer
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
15. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Encik Chaw Kam Foon
Ahli Dewan Negeri Mengelembu

1. PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat kali ini.

Tindakan: Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 2/2019 Bertarikh 29 Mac 2019 telah dicadangkan untuk disahkan tanpa pindaan oleh ADUN Bukit Chandan dan cadangan disokong oleh ADUN Canning.

Tindakan: Makluman

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Pembinaan Kediaman YAB Menteri Besar, Exco dan *Ex-Officio*

- 3.1.1 YB Dato' Pengerusi memberi pandangan pembinaan Kediaman YAB Menteri Besar, Exco dan *Ex-Officio* boleh dibangunkan di tapak di Jalan Towers, Ipoh kerana lebih menjimatkan kos, kawasan yang sesuai dan berdekatan dengan Bangunan Pentadbiran sedia ada.

- 3.1.2 Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak (PTG) memberi maklum kepada Mesyuarat bahawa Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah pun menjalankan gerak kerja perancangan pembinaan kediaman YAB Menteri Besar, Exco dan *Ex-Officio* di kawasan Meru iaitu sebahagian daripada keluasan 50 ekar tersebut.

Tindakan: Makluman

3.2 Cadangan Jawatankuasa : Keseluruhan tapak berkeluasan 50 ekar dipertimbangkan dan membina Bangunan Baharu

- 3.2.1 Mesyuarat telah mengambil maklum keputusan MMK Bil. 1996 pada 10 April 2019 telah memutuskan **untuk mengekalkan tapak lama seluas 14.21 ekar** di Bandar Meru Raya, Ipoh sebagai tapak pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak.

- 3.2.2 Walau bagaimanapun, YB Dato' Pengerusi telah mendapatkan penjelasan daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) bahawa sekiranya keseluruhan keluasan 50 ekar diberikan kepada pembangunan Bangunan Baharu, kos akan dapat dikurangkan sedikit. Memandangkan pembinaan tidak akan memerlukan tambakan cerun bukit.

3.2.3 JKR juga telah memberikan maklumbalas kepada Mesyuarat bahawa kenaikan kos pembinaan adalah dijangka naik sebanyak 3.5% dan berjumlah lebih kurang RM10 juta tahun ini.

Tindakan: Makluman

3.3 Peruntukan Pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak

3.3.1 Pejabat Kewangan Negeri (PKN) turut memberi maklum kepada Mesyuarat bahawa RMKe-12 akan bermula pada tahun hadapan. Oleh yang demikian, projek ini boleh dimasukkan bersekali tetapi memerlukan ketetapan tapak yang jelas sebelum bulan Mac 2020.

Tindakan: Makluman

4. PANDANGAN / ULASAN AHLI MESYUARAT

4.1 Pandangan / Ulasan daripada Ahli Jawatankuasa

4.1.1 ADUN Bukit Chandan mencadangkan untuk memohon pertimbangan tapak kuarters Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Lot. 373426, Bandar Meru Raya dilaksanakan proses pertukaran tanah dengan Kerajaan Negeri kerana khuatir dengan kesesuaian lokasi yang berhampiran dengan beberapa Bangunan Rasmi Pejabat Kerajaan.

Tindakan: Makluman

5. KETETAPAN MESYUARAT

5.1 Mesyuarat bersetuju untuk menjemput UPEN menyampaikan taklimat kepada Jawatankuasa berkenaan perancangan pembinaan kediaman YAB Menteri Besar, Exco dan *Ex-Officio* pada satu tarikh sebelum 21 Februari 2020.

Tindakan: B.DN&MMK

5.2 Mesyuarat bersetuju untuk menjalankan Mesyuarat Bil.2/2020 dijalankan selepas pembentangan daripada UPEN untuk memberikan ketetapan seterusnya.

Tindakan: B.DN&MMK

6. PENUTUP

9.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.

Disediakan oleh:




(NADIA BINTI ZULKIFLI)

Urus Setia
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 20/2/2020

Disemak oleh:



(MUHAMAD NAZRI BIN ABDULLAH)

Setiausaha
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 20/2/2020

Disahkan oleh:



(YB DATO' NGEH KOO HAM)

Pengerusi
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 20/2/2020

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGENAL
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BILANGAN 2/2020**

Tarikh : 14 Julai 2020 (Selasa)
Masa : 11.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Bahagian Korporat
 Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan

HADIR:

1. YB Dato' Mohammad Zahir Bin Abdul Khalid
- Pengerusi
Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
2. YB Dr Jurij Bin Jalaludin
Ahli Dewan Negeri Lubok Merbau
3. YB Encik Khairudin Bin Abu Hanifah
Ahli Dewan Negeri Belanja
4. Encik Muhammad Nazri Bin Abdullah - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

5. Tuan Haji Roslan bin Abd Ghani
Pengarah, Jabatan Kerja Raya
6. Encik Zulhasmi Bin Mohamad
Ketua Penolong Pengarah,
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak
7. YM Tengku Siliawati Binti Tengku Salim
Ketua Penolong Pengarah Kewangan Negeri,
Pejabat Kewangan Negeri
8. Encik Khaizurul Ezuwan Bin Baharuddin
Ketua Penolong Pengarah,
Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
9. Encik Tajuddin Bin Yahaya
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
10. Puan Suziana Binti Zainal Abidin
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak

11. Encik Amir Fadli Bin Mohamed Halmi
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
12. Encik Afzir Bin Muhamad Wazer
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
13. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Dato' Haji Mohamad Tarmizi Bin Idris
Ahli Dewan Negeri Kenering
2. YB Encik Yong Choo Kiong
Ahli Dewan Negeri Tronoh
3. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Aulong
4. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen
Ahli Dewan Negeri Canning

1. PERUTUSAN Pengerusi

1.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat kali ini.

1.2 YB Dato' Pengerusi turut memaklumkan serba sedikit penubuhan dan latar belakang Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Tindakan: Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bilangan 1/2020 Bertarikh 11 Februari 2020 telah dicadangkan untuk disahkan tanpa pindaan.

Tindakan: Makluman

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Taklimat daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Perak (JKR)

3.1.1 JKR memaklumkan mesyuarat bahawa kajian dan cadangan konsep telah pun dilaksanakan berdasarkan tapak di Bandar Meru Raya. Lawatan penanda aras juga telah dijalankan ke Parlimen Malaysia dan beberapa buah Dewan Negeri yang lain untuk tujuan rujukan.

3.1.2 Walau bagaimanapun, berdasarkan perkembangan semasa didapati tapak cadangan sedia ada difahamkan telah pun mempunyai perancangan pembangunan yang lain.

3.1.3 JKR telah membentangkan semula secara umum keseluruhan konsep bangunan dan perincian komponen berdasarkan tapak cadangan sedia ada kepada mesyuarat dengan mengambilkira kedudukan cadangan asal Bangunan Dewan Negeri di atas bukit di tapak tersebut.

3.1.4 Mesyuarat juga dimaklumkan anggaran kos asal adalah berjumlah RM242 juta dan dijangka akan menelan belanja yang lebih tinggi. Kos ini juga tidak melibatkan kos tanah memandangkan tanah tapak cadangan ini merupakan tanah milik Perak Corporation Berhad (PCB).

3.1.5 JKR turut mencadangkan kajian yang lebih mendalam dari pelbagai aspek penting dijalankan sebelum pembinaan bangunan baharu ini

direalisasikan. Terutamanya adalah keperluan untuk dibina, ketetapan tapak dan sumber kos pembinaan.

Tindakan: Makluman

3.2 Kemaskini/Makluman daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

3.2.1 UPEN telah memaklumkan mesyuarat bahawa terdapat sebuah syarikat yang akan bekerjasama membangunkan tapak tersebut melalui kaedah pertukaran tanah. Kerajaan Negeri akan menerima pulangan di dalam bentuk bangunan yang melibatkan Dewan Negeri dan kediaman rasmi.

3.2.2 Oleh yang sedemikian, kos pembinaan bangunan perlulah setara dengan nilai tanah yang telah ditawarkan.

3.2.3 Antara komponen yang dicadangkan untuk pembangunan tapak tersebut adalah;

- i. Kediaman Rasmi Menteri Besar
- ii. Kediaman Rasmi *Ex-Officio*
- iii. Pusat Konvesyen, tetapi telah dimaklumkan untuk syarikat membina Dewan Negeri Perak yang baharu. Sehingga kini, syarikat belum memberikan maklumbalas.

4. PANDANGAN / ULASAN AHLI MESYUARAT

4.1 Pandangan / Ulasan daripada Ahli Jawatankuasa

4.1.1 YB Dato' Pengerusi telah memberi maklum kepada mesyuarat bahawa keadaan ekonomi semasa juga perlu diambil kira memandangkan pembinaan ini akan melibatkan implikasi kewangan.

Tindakan: Makluman

5. KETETAPAN MESYUARAT

5.1 Mesyuarat bersetuju supaya pihak UPEN menjalankan kajian kebolehlaksanaan sama ada cadangan pembangunan Dewan Negeri yang baharu melalui kaedah penswastan secara pertukaran tanah boleh dilaksanakan pada masa kini dengan mengambil kira situasi ekonomi semasa pasca Covid-19.

- 5.2 Mesyuarat bersetuju untuk menjalankan Mesyuarat Bil.3/2020 dijalankan selepas kajian daripada UPEN disediakan untuk memberikan ketetapan seterusnya.

Tindakan: B.DN&MMK

6. PENUTUP

- 6.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

Disediakan oleh:



(NADIA BINTI ZULKIFLI)
Urus Setia
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan
Tarikh :

Disemak oleh:



(MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH)
Setiausaha
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan
Tarikh :

Disahkan oleh:



(YB DATO' MOHAMMAD ZAHIR BIN ABDUL KHALID)
Pengerusi
Jawatankuasa Pilihan Khas
Bangunan Baharu Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan
Tarikh :

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGENAL
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BILANGAN 1.2021**

Tarikh : 2 November 2021 (Selasa)
Masa : 11.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan

HADIR:

1. YB Dato' Mohammad Zahir Bin Abdul Khalid - Pengerusi
Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
2. Dato' Haji Samsudin Bin Abu Hassan
Ahli Dewan Negeri Ayer Kuning
3. YB Dr Jurij Bin Jalaludin
Ahli Dewan Negeri Lubok Merbau
4. YB Encik Mohd Kamaruddin bin Abu Bakar
Ahli Dewan Negeri Kuala Sepetang
5. YB Dato' Seri Nizar bin Jamaluddin
Ahli Dewan Negeri Sungai Rapat
6. YB Encik Yahaya bin Mat Nor
Ahli Dewan Negeri Pasir Panjang
7. YB Encik Teoh Yee Chern
Ahli Dewan Negeri Astaka
8. YB Encik Cheah Pou Hian
Ahli Dewan Negeri Jelapang
9. YB Encik Chaw Kam Foon
Ahli Dewan Negeri Menglembu
10. YB Encik Mohammad Arafat bin Varisai Mahamad
Ahli Dewan Negeri Hulu Kinta
11. Encik Muhammad Nazri Bin Abdullah - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

12. Encik Amir Fadli Bin Mohamed Halmi
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
13. Encik Afzir Bin Muhamad Wazer
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
14. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
15. Encik Muhammad Ariff bin Mohd Dahalan
Pegawai Khas kepada Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
16. Encik Hafizul Najmi bin Ab Rahman
Pegawai Khas kepada Timbalan Yang Dipertua Dewan Negeri Perak

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Dato' Dr Muhammad Amin bin Zakaria
Ahli Dewan Negeri Batu Kurau
2. YB Encik Sivasubramaniam A/L Athinarayanan
Ahli Dewan Negeri Buntong
3. YB Encik Hasnul Zulkarnain Bin Abd Munaim
Ahli Dewan Negeri Titi Serong

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1. YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat kali ini.
- 1.2. YB Dato' Pengerusi turut memaklumkan serba sedikit tentang penubuhan dan latar belakang Jawatankuasa Pilihan Khas ini yang tidak bersifat penggalan.
- 1.3. Seterusnya, mesyuarat dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan mempunyai visi agar pada masa hadapan bangunan Dewan Negeri didirikan berasingan daripada bangunan pentadbiran Negeri Perak. Ini adalah sejajar dengan amalan sistem demokrasi.
- 1.4. Perancangan ini akan mengambil proses yang lama dan gerak kerja awal perlu dimulakan. Antara cadangan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan adalah;
 - 1.4.1. Bangunan Perak Darul Ridzuan akan kekal menjadi bangunan pentadbiran Kerajaan Negeri;
 - 1.4.2. Bangunan Dewan Negeri Perak yang baharu akan didirikan di tapak Bangunan Sri Perak Darul Ridzuan; dan
 - 1.4.3. Pejabat Duli Yang Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan akan dibina bersebelahan dengan bangunan Dewan Negeri Perak yang baharu.
- 1.5. YB Dato' Pengerusi seterusnya memberi maklum kepada mesyuarat agar Dewan Negeri Perak sedia ada memerlukan beberapa penambahan pembaharuan;
 - 1.5.1. Menjadi Dewan Negeri Perak yang mesra pengunjung/pelawat daripada pelbagai pihak;
 - 1.5.2. Mempunyai Galeri Dewan Negeri Perak;
 - 1.5.3. Mempunyai pejabat yang boleh dikongsi oleh Ahli Dewan sekiranya terdapat apa-apa perbincangan, mesyuarat atau perjumpaan rasmi bersama agensi/jabatan yang kebanyakannya berada di Ipoh; dan
 - 1.5.4. Mempunyai fasiliti tambahan yang lain. Contohnya; sudut kopi, surau, perpustakaan dan sebagainya.

3.3.4. YB Dato' Pengerusi memberi maklum bahawa galeri yang akan diwujudkan adalah salah satu usaha untuk memberikan pendedahan secara langsung kepada masyarakat berkaitan institusi ini dan tidak sekadar bergantung kepada pameran di Galeri Parlimen Malaysia sahaja.

3.3.5. Oleh itu, YB Dato' Pengerusi telah mencadangkan kepada mesyuarat agar penubuhan galeri ini turut dijadikan sebahagian daripada komponen gerak kerja Jawatan Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak.

Tindakan: Urus setia

3.4. Penambahan Terma Rujukan Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak

3.4.1. Susulan daripada setiap perbincangan mesyuarat, Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak memerlukan sedikit penambahan kepada terma rujukan sedia ada.

3.4.2. YB Dato' Pengerusi memberikan cadangan agar penambahan terma rujukan Jawatankuasa Pilihan Khas ini akan bertanggungjawab untuk membincangkan berkenaan pembangunan dan penambahbaikan Dewan Negeri Perak sedia ada.

3.4.3. Satu usul ringkas penambahan terma rujukan akan dibawa dan diluluskan pada Mesyuarat Kedua Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Keempat Belas.

3.4.4. Mesyuarat dimaklumkan, salah seorang Ahli Jawatankuasa akan membawa usul penambahan terma rujukan ini dan salah seorang Ahli Jawatankuasa yang lain juga diperlukan untuk menyokongnya.

Tindakan: Ahli Jawatankuasa dan Urus setia

4. HAL-HAL LAIN

4.1. Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen

4.1.1. YB Dato' Pengerusi memberi maklum mesyuarat bahawa salah satu pembaharuan/kajian yang sedang dijalankan dan dipertimbangkan oleh Parlimen Malaysia adalah untuk mengembalikan kewujudan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen.

Tindakan: Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGENAL
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BIL. 1 TAHUN 2025**

Tarikh : 22 Mei 2025 (Khamis)
Masa : 11.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama
 Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan

HADIR:

1. YB Dato' Mohammad Zahir Bin Abdul Khalid - Pengerusi
Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
2. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak /Ahli Dewan Negeri Canning
3. YB Encik Cheah Pou Hian
Ahli Dewan Negeri Jelapang
4. YB Puan Salina binti Samsudin
Ahli Dewan Negeri Behrang
5. YB Puan Bavani a/p Veraiah
Ahli Dewan Negeri Malim Nawar
6. YB Encik Ong Seng Guan
Ahli Dewan Negeri Pokok Assam
7. YB Encik Rosli bin Abd Rahman
Ahli Dewan Negeri Pasir Panjang
8. YB Puan Norhaslinda binti Zakaria
Ahli Dewan Negeri Pangkor
9. YB Encik Sallehuddin bin Abdullah
Ahli Dewan Negeri Selinsing
10. YB Encik Azizi bin Mohamed Ridzuwan
Ahli Dewan Negeri Lubok Merbau
11. Encik Mohd Ikram bin Ahmad - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

12. Puan Aida Hazlyn binti Hassan
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
Pejabat Kewangan Negeri Perak (PKN)
13. TS Dr Roslinda binti Ghazali
Arkitek Penguasa
Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Perak
14. Puan Nur Azlina binti Othman
Timbalan Pengarah (Pengurusan)
Pejabat Tanah dan Galian (PTG)
15. Ir Nurul Ainaa binti Selamat
Jurutera Awam
JKR Negeri Perak
16. Encik Afzir Bin Muhamad Wazer
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
17. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Kepayang
2. YB Cik Wong Chai Yi
Ahli Dewan Negeri Simpang Pulai
3. YB Encik Muhammad Faisal bin Abdul Rahman
Ahli Dewan Negeri Trong

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1. YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat kali ini.
- 1.2. YB Dato' Pengerusi turut memaklumkan latar belakang dan perbezaan di antara Jawatankuasa Penggalan dan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negeri secara amnya.
- 1.3. Mesyuarat turut dimaklumkan, Jawatankuasa-jawatankuasa ini adalah sebahagian daripada Dewan Negeri dan membawa kelebihan yang sama kepada Ahli-Ahlinya yang terdiri daripada Ahli Dewan Negeri (ADN). Antaranya adalah setiap Ahli mempunyai kelebihan imuniti dengan berdasarkan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri.
- 1.4. YB Dato' Pengerusi seterusnya memaklumkan serba sedikit berkaitan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak (Jawatankuasa) dan proses kerja sepanjang penubuhan.
- 1.5. Pada tahun 2022, mesyuarat dimaklumkan bahawa YB Dato' Pengerusi telah mencadangkan agar Jawatankuasa ini dibubarkan. Namun, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dengan Pejabat Duli Yang Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan menitahkan agar Jawatankuasa ini dikekalkan bersama cadangan-cadangan berikut;
 - 1.5.1. Bangunan Dewan Negeri Perak perlu dibangunkan berasingan daripada bangunan pentadbiran Negeri Perak yang mencerminkan pengasingan kuasa di antara badan legislatif, eksekutif dan kehakiman sejajar dengan amalan sistem demokrasi;
 - 1.5.2. Bangunan Dewan Negeri Perak yang baharu didirikan di tapak Bangunan Sri Perak Darul Ridzuan (Pejabat PTG sedia ada), berdekatan dengan Pejabat Duli Yang Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, dan
 - 1.5.3. Bangunan Perak Darul Ridzuan kekal sebagai bangunan pentadbiran eksekutif Negeri Perak.
- 1.6. YB Dato' Pengerusi juga berpandangan bahawa pembangunan bangunan Dewan Negeri baharu ini adalah satu proses yang tidak mudah, mengambil masa yang lama dan melibatkan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa akan terus menjalankan peranan bagi tujuan menggerakkan proses pembangunan ini.

- 1.7. YB Dato' Pengerusi seterusnya memberi maklum kepada mesyuarat bahawa Dewan Negeri Pahang telah mempunyai bangunan baharu yang dibangunkan dengan peruntukan kos daripada Kerajaan Persekutuan secara pinjaman tanpa faedah.
- 1.8. YB Dato' Pengerusi mencadangkan kepada mesyuarat agar satu kunjung hormat dan lawatan rasmi penanda aras ke Pahang perlu diadakan bagi tujuan pendedahan secara langsung proses pembangunan bangunan Dewan Negeri Pahang yang baharu.
- 1.9. Selain daripada itu, YB Dato' Pengerusi turut mencadangkan Dewan Negeri Perak yang akan dibina agar menggunakan bahan-bahan mentah hasil sumber bumi daripada Negeri Perak.

Tindakan: Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil 1 Tahun 2021 bertarikh 2 November 2021 telah dicadangkan untuk disahkan tanpa pindaan oleh YB ADN Jelapang.

Tindakan: Makluman

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1. Pemakluman Kunjungan Hormat dan dan Lawatan Penanda Aras Pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Pahang

- 3.1.1. Tuan Setiausaha memberi maklum kepada mesyuarat lawatan ini dijadualkan berdasarkan tarikh cadangan yang diberikan oleh pihak Dewan Negeri Pahang pada 22 Jun 2025 (Ahad) sehingga 23 Jun 2025 (Isnin).
- 3.1.2. Seterusnya, Setiausaha membentangkan perincian program sepanjang lawatan yang akan dikemaskini dan dimaklumkan kepada semua yang terlibat dari masa ke semasa. Tentatif lawatan adalah dirujuk seperti di **Lampiran A**.
- 3.1.3. YB Dato' Pengerusi memberi maklum bahawa PKN, PTG dan JKR mempunyai keperluan untuk turut bersama Ahli-Ahli Jawatankuasa menyertai lawatan ini bagi mendapatkan butiran pembangunan bangunan baharu dengan lebih terperinci.

Tindakan: Urus setia

4. Maklumbalas Ahli-Ahli Mesyuarat

4.1. Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak

- 4.1.1. YB ADN Pasir Panjang memberikan pandangan bahawa gerak kerja Jawatankuasa boleh dimulakan dengan berdasarkan tapak yang telah dititahkan.
- 4.1.2. YB Dato' Pengerusi seterusnya mencadangkan laporan Jawatankuasa ini akan dimajukan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dengan Pejabat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan apabila Jawatankuasa telah bersedia untuk membentangkannya.
- 4.1.3. Pihak JKR atau mana-mana pemegang taruh yang akan melaksanakan tugas pembangunan bangunan baharu adalah dicadangkan oleh YB Dato' Pengerusi untuk mengadakan sesi perbincangan atau bengkel bersama pihak Dewan Negeri bagi tujuan mengenalpasti keperluan bangunan Dewan Negeri yang baharu.
- 4.1.4. YB Malim Nawar telah mengemukakan permohonan ulasan berkaitan status Pejabat PTG. Seterusnya, pihak PTG memberikan maklumbalas kepada mesyuarat bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan siling bagi pembinaan pejabat baharu PTG dengan kerjasama JKR bagi kerja awalan dan tapak yang dicadangkan adalah tapak bekas Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Poi Lam yang lama.
- 4.1.5. YB Malim Nawar turut mencadangkan kepada mesyuarat agar menjalankan semakan kelengkapan Dewan-Dewan Negeri/Negara yang lain bagi tujuan rujukan di masa hadapan.
- 4.1.6. Setiausaha juga memohon semakan PTG tandaan kawasan bagi pembinaan Dewan Negeri Perak yang baharu. Susulan itu, pihak PTG telah memberikan maklumbalas secara anggaran bahawa sebidang tanah tersebut adalah berkeluasan lima (5) ekar telah diwartakan sebagai tanah/hak Kerajaan.
- 4.1.7. Pihak PTG turut memaklumkan bahawa Pejabat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan berkeluasan 3.5 ekar dan baki 1.5 ekar tersebut adalah Pejabat PTG kini yang terdiri daripada dua (2) bangunan, kantin dan tapak parkir.
- 4.1.8. Pihak JKR seterusnya memberi maklum kepada mesyuarat bahawa bangunan pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPK) akan dibina bersebelahan dengan pejabat JKR.

- 4.1.9. Pihak JKR turut memberikan cadangan agar bangunan baharu Dewan Negeri Perak dibangunkan secara pembinaan bangunan bertingkat tinggi dengan memberikan perhatian kepada Pejabat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan agar konsep kedua-duanya dapat diselarikan.
- 4.1.10. Setiausaha seterusnya merujuk kepada para 3.3 Galeri Dewan Negeri Perak, Minit Mesyuarat Bil 1 Tahun 2021 dan dicadangkan oleh YB Dato' Pengerusi, pembinaan galeri tersebut akan menjadi salah satu keperluan dalam pembinaan Dewan Negeri yang baharu.
- 4.1.11. Konsep galeri moden telah dicadangkan oleh YB Dato' Pengerusi agar tidak perlu mengambil satu ruang yang besar atau luas. Keperluan galeri ini adalah salah satu medium penyampaian informasi yang lebih menarik kepada pelawat-pelawat Dewan Negeri kelak.
- 4.1.12. Pihak JKR juga memberikan cadangan agar galeri ini akan mempunyai sistem interaktif dan dipersetujui oleh YB Dato' Pengerusi.
- 4.1.13. Seterusnya, pihak JKR turut mencadangkan bangunan baharu Dewan Negeri ini perlu mempunyai perpustakaan digital kerana ia lebih mudah, praktikal dan kondusif.
- 4.1.14. YB ADN Malim Nawar memberikan cadangan kepada mesyuarat untuk mempertimbangkan untuk diadakan juga ruang kepada ibu-ibu atau pusat asuhan kanak-kanak.
- 4.1.15. YB Behrang memberikan cadangan untuk diadakan ruang untuk persidangan Dewan Belia Negeri Perak dan ruang khas tersebut juga boleh digunakan oleh program-program lain tanpa menggunakan Dewan Persidangan Dewan Negeri.
- 4.1.16. YB Dato' Pengerusi memberi maklum mesyuarat bahawa selepas lawatan ke Dewan Negeri Pahang, mesyuarat ini akan bersidang semula atau satu bengkel untuk membawa agenda gerak kerja selanjutnya bagi persediaan untuk dilaporkan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan.

Tindakan: Urus setia

4.2. Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Bahari Dewan Negeri Perak

- 4.2.1. YB ADN Malim Nawar mencadangkan untuk mesyuarat Jawatankuasa diadakan dengan lebih kerap bagi tujuan pemantauan progres gerak kerja pembangunan bangunan baharu Dewan Negeri Perak dan dipersetujui oleh YB Dato' Pengerusi.

Tindakan: Urus setia

4.3. Kunjungan Hormat dan dan Lawatan Penanda Aras Pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Pahang

- 4.3.1. YB ADN Pangkor memberi maklum mesyuarat untuk urus setia menyemak semula waktu pendaftaran keluar penginapan pada hari kedua.
- 4.3.2. YB ADN Malim Nawar memberikan cadangan kepada mesyuarat agar disertakan lawatan atau program lain yang bersesuaian pada hari pertama bagi mengisi masa yang diperuntukkan sebelum Majlis Makan Malam bersama *Speaker* Dewan Negeri Pahang.
- 4.3.3. Setiausaha memberi maklum urus setia akan mengemaskini agenda bersama sebarang tindakan selanjutnya.

Tindakan: Urus setia

5. HAL-HAL LAIN

5.1. Persidangan Speaker-Speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Se-Malaysia

- 5.1.1. YB Dato' Pengerusi memberi maklum mesyuarat bahawa pada tahun ini (2025) akan dihoskan oleh Negeri Melaka dan Negeri Pahang pula akan menjadi hos persidangan pada tahun 2026.

Tindakan: Makluman

5.2. Jawatankuasa Kebajikan Ahli

- 5.2.1. YB ADN Lubok Merbau memohon ulasan berkaitan Jawatankuasa Kebajikan Ahli dan YB Dato' Pengerusi telah memberi maklum bahawa Jawatankuasa Kebajikan Ahli telah pun direalisasikan menjadi Jawatankuasa Penggalan Dewan Negeri Perak.

- 5.2.2. Jawatankuasa Kebajikan Ahli juga akan bersidang pada bulan Jun 2025.

Tindakan: Urus setia

6. PENUTUP

- 6.1. YB Dato' Pengerusi mencadangkan agar Mesyuarat seterusnya diadakan selepas lawatan ke Pahang dan mengucapkan terima kasih. Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 12.50 petang.

Disediakan oleh:



(NADIA BINTI ZULKIFLI)

Urus setia


Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi

Mengkaji Bangunan Baharu Dewan

Negeri Perak

Tarikh : 27/5/2024

Disemak oleh:



(MOHD IKRAM BIN AHMAD)

Setiausaha

Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi

Mengkaji Bangunan Baharu Dewan

Negeri Perak

Tarikh : 29 Mei 2025

Disahkan oleh:



(YB DATO' MOHAMMAD ZAHIR BIN DATO' ABDUL KHALID)

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi

Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak

Tarikh :

**TENTATIF
KUNJUNG HORMAT KE PEJABAT SPEAKER DEWAN NEGERI
PAHANG DAN LAWATAN PENANDA ARAS PEMBINAAN
BANGUNAN BAHARU DEWAN**

22 JUN 2025 (AHAD) – 23 JUN 2025 (ISNIN)

Hari Pertama – Ahad, 22 Jun 2025

8.00 pagi

Berkumpul di KLIA
Kaunter pendaftaran penerbangan domestik
Daftar penerbangan

9.25 pagi

Berlepas ke Kuantan

10.15 pagi

Ketibaan di Kuantan
Makan tengah hari

2.30 petang

Pendaftaran masuk ke penginapan
Aktiviti bebas

8.00 malam

Makan Malam

Hari Kedua – Isnin, 23 Jun 2025

7.00 pagi

Sarapan di tempat penginapan.

9.30 pagi

Bertolak ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

10.00 pagi

Kunjung Hormat ke Pejabat Speaker Dewan Negeri Pahang.

11.00 pagi

- Sesi Bergambar

3.2. Bengkel Siri 1 Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak dan cadangan perinciannya

- 3.2.1. YB Dato' Pengerusi mencadangkan satu bengkel perlu diadakan bersama jabatan dan agensi untuk meneliti setiap keperluan bagi pembangunan bangunan baharu ini.
- 3.2.2. Hasil bengkel dicadangkan untuk dimajukan kepada pihak JKR agar tindakan selanjutnya diambil berdasarkan keluasan ruang dan garis panduan daripada EPU.
- 3.2.3. YB Dato' Pengerusi memberi maklum bahawa bilangan kerusi Ahli Dewan Negeri perlulah dibuat perangkaan bagi 50 ke 100 tahun yang akan datang. Sehubungan itu, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dicadangkan untuk turut menyertai bengkel.
- 3.2.4. Selanjutnya, JKR memaklumkan mesyuarat bahawa keperluan ruang juga akan memberikan gambaran kos kepada pembangunan bangunan baharu ini.
- 3.2.5. Setiausaha telah mengemukakan pertanyaan berhubung kos mengikut kadar per meter persegi dan pihak JKR memberikan maklumbalas secara umum bahawa kosnya adalah berjumlah RM3,200.00 meter persegi. Mesyuarat juga difahamkan berkaitan keperluan unjuran kenaikan kos tahunan.
- 3.2.6. Anggaran kos ini belum melibatkan kerja-kerja hiasan dalaman yang memerlukan satu perincian lain untuk dilibat uruskan.
- 3.2.7. YB Selinsing memberikan pandangan agar pembangunan reka bentuk bangunan baharu ini tidak melibatkan kos penyeleggaran yang tinggi.
- 3.2.8. YB Malim Nawar turut mencadangkan agar penggunaan tenaga solar atau sebarang tenaga semula jadi boleh diberikan pertimbangan.
- 3.2.9. YB Jelapang berkongsi pandangan agar cadangan reka bentuk bangunan baharu ini dibuka kepada pertandingan umum bagi tujuan mencerminkan pembangunan ini adalah sebahagian daripada aspirasi rakyat.
- 3.2.10. YB Dato' Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut dan perkara ini adalah salah satu perkara yang boleh diusulkan kepada DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan kelak.

- 3.2.11. YB Canning juga memberikan padangan bahawa satu jambatan yang menghubungkan di antara bangunan juga boleh diberikan pertimbangan.
- 3.2.12. YB Dato' Pengerusi juga mencadangkan untuk dilihat agar kesesuaian laluan bawah tanah juga boleh dibincangkan selanjutnya.
- 3.2.13. YB Pangkor mencadangkan agar satu ruang untuk disediakan bagi kemudahan pemeriksaan kesihatan.
- 3.2.14. YB Dato' Pengerusi memberi maklum agar urus setia mengambil catatan bagi setiap cadangan yang diberikan dan dibincangkan semasa bengkel.

Tindakan: Urus setia

4. HAL-HAL LAIN

4.1. Sesi Libat Urus

- 4.1.1. YB Dato' Pengerusi memberi maklum mesyuarat kepada Ahli Dewan Negeri yang telah memberikan maklumbalas kehadiran perlu hadir ke Sesi Libat Urus: Rang Undang-Undang (RUU) Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 2025 dan Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Perak) 2025 yang dijadualkan pada 4 dan 8 Ogos 2025 jam 9.00 hingga 12.00 tengah hari di Hotel Sri Malaysia.

Tindakan: Makluman

4.2. Mesyuarat Kedua Tahun Ketiga Dewan Negeri Yang Kelima Belas

- 4.2.1. YB Dato' Pengerusi seterusnya memberi maklum Mesyuarat Kedua, Tahun Ketiga, Dewan Negeri Yang Kelima Belas, Perak Darul Ridzuan dijangka akan berlangsung pada 9 sehingga 11 September 2025.

Tindakan: Makluman

5. PENUTUP

5.1. YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih dan satu sesi bergambar diadakan. Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 12.10 tengah hari.

Tindakan: Makluman

Disediakan oleh:



(NADIA BINTI ZULKIFLI)

Urus setia

Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi

Mengkaji Bangunan Baharu Dewan

Negeri Perak

Tarikh : 7/8/2028

Disemak oleh:



(MOHD IKRAM BIN AHMAD)

Setiausaha

Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi

Mengkaji Bangunan Baharu Dewan

Negeri Perak

Tarikh : 7/8/2025

Disahkan oleh:



(YB DATO' MOHAMMAD ZAHIR BIN DATO' ABDUL KHALID)

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi

Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak

Tarikh :

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGENAL
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BIL. 2 TAHUN 2025**

Tarikh : 1 Ogos 2025 (Jumaat)
Masa : 11.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan

HADIR:

1. YB Dato' Mohammad Zahir Bin Abdul Khalid - Pengerusi
Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
2. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak /Ahli Dewan Negeri Canning
3. YB Encik Cheah Pou Hian
Ahli Dewan Negeri Jelapang
4. YB Puan Salina binti Samsudin
Ahli Dewan Negeri Behrang
5. YB Puan Bavani a/p Veraiah
Ahli Dewan Negeri Malim Nawar
6. YB Encik Ong Seng Guan
Ahli Dewan Negeri Pokok Assam
7. YB Cik Wong Chai Yi
Ahli Dewan Negeri Simpang Pulai
8. YB Encik Rosli bin Abd Rahman
Ahli Dewan Negeri Pasir Panjang
9. YB Puan Norhaslinda binti Zakaria
Ahli Dewan Negeri Pangkor
10. YB Encik Sallehuddin bin Abdullah
Ahli Dewan Negeri Selinsing
11. YB Encik Azizi bin Mohamed Ridzuwan
Ahli Dewan Negeri Lubok Merbau
12. Encik Mohd Ikram bin Ahmad - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

13. Puan Nor Syamimi binti Yusoff
Pegawai Tadbir Diplomatik
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak
14. TS Dr Roslinda binti Ghazali
Arkitek Penguasa
Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Perak
15. Puan Ir Nurul Ainaa binti Selamat
Jurutera Awam
JKR Negeri Perak
16. Encik Afzir Bin Muhamad Wazer
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
17. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Kepayang
2. YB Encik Muhammad Faisal bin Abdul Rahman
Ahli Dewan Negeri Trong

1. PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1. YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat kali ini.
- 1.2. YB Dato' Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pada hari Selasa bertarikh 5 Ogos 2025 akan disembah maklum kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Paduka Seri Sultan Perak laporan dan perincian gerak kerja Jawatankuasa ini.

Tindakan: Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil 1 Tahun 2025 bertarikh 22 Mei 2025 telah dicadangkan oleh YB Malim Nawar untuk disahkan dan disokong oleh YB Pangkor dengan pindaan daripada JKR di para 4.1.9 seperti berikut:

4.1.9 Pihak JKR turut memberikan cadangan agar bangunan baharu Dewan Negeri Perak dibangunkan dengan mengambil kira dan diberikan perhatian kepada Pejabat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan agar konsep kedua-duanya dapat diselarakan.

Tindakan: Makluman

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1. Semakan Laporan Kunjung Hormat dan Lawatan Penanda Aras Pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Pahang pada 23 Jun 2025 (Isnin)

- 3.1.1. JKR memberi maklum mesyuarat bahawa ulasan laporan yang diberikan adalah menjurus kepada keperluan ruang. Manakala tindakan selanjutnya adalah untuk Jawatankuasa mengisi keperluan ruang tersebut bagi tujuan rujukan semasa bengkel.
- 3.1.2. YB Dato' Pengerusi memberi maklum kepada mesyuarat, Jawatankuasa akan dikemaskini maklumbalas daripada DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bagi cetusan gerak kerja yang akan datang.
- 3.1.3. Laporan ini telah dipersetujui sebulat suara oleh Ahli-ahli Jawatankuasa.

Tindakan: Urus setia

3.2. Bengkel Siri 1 Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak dan cadangan perinciannya

- 3.2.1. YB Dato' Pengerusi mencadangkan satu bengkel perlu diadakan bersama jabatan dan agensi untuk meneliti setiap keperluan bagi pembangunan bangunan baharu ini.
- 3.2.2. Hasil bengkel dicadangkan untuk dimajukan kepada pihak JKR agar tindakan selanjutnya diambil berdasarkan keluasan ruang dan garis panduan daripada EPU.
- 3.2.3. YB Dato' Pengerusi memberi maklum bahawa bilangan kerusi Ahli Dewan Negeri perlulah dibuat perangkaan bagi 50 ke 100 tahun yang akan datang. Sehubungan itu, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dicadangkan untuk turut menyertai bengkel.
- 3.2.4. Selanjutnya, JKR memaklumkan mesyuarat bahawa keperluan ruang juga akan memberikan gambaran kos kepada pembangunan bangunan baharu ini.
- 3.2.5. Setiausaha telah mengemukakan pertanyaan berhubung kos mengikut kadar per meter persegi dan pihak JKR memberikan maklumbalas secara umum bahawa kosnya adalah berjumlah RM3,200.00 meter persegi. Mesyuarat juga difahamkan berkaitan keperluan unjuran kenaikan kos tahunan.
- 3.2.6. Anggaran kos ini belum melibatkan kerja-kerja hiasan dalaman yang memerlukan satu perincian lain untuk dilibat uruskan.
- 3.2.7. YB Selinsing memberikan pandangan agar pembangunan reka bentuk bangunan baharu ini tidak melibatkan kos penyeleggaran yang tinggi.
- 3.2.8. YB Malim Nawar turut mencadangkan agar penggunaan tenaga solar atau sebarang tenaga semula jadi boleh diberikan pertimbangan.
- 3.2.9. YB Jelapang berkongsi pandangan agar cadangan reka bentuk bangunan baharu ini dibuka kepada pertandingan umum bagi tujuan mencerminkan pembangunan ini adalah sebahagian daripada aspirasi rakyat.
- 3.2.10. YB Dato' Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut dan perkara ini adalah salah satu perkara yang boleh diusulkan kepada DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan kelak.

- 3.2.11. YB Canning juga memberikan padangan bahawa satu jambatan yang menghubungkan di antara bangunan juga boleh diberikan pertimbangan.
- 3.2.12. YB Dato' Pengerusi juga mencadangkan untuk dilihat agar kesesuaian laluan bawah tanah juga boleh dibincangkan selanjutnya.
- 3.2.13. YB Pangkor mencadangkan agar satu ruang untuk disediakan bagi kemudahan pemeriksaan kesihatan.
- 3.2.14. YB Dato' Pengerusi memberi maklum agar urus setia mengambil catatan bagi setiap cadangan yang diberikan dan dibincangkan semasa bengkel.

Tindakan: Urus setia

4. HAL-HAL LAIN

4.1. Sesi Libat Urus

- 4.1.1. YB Dato' Pengerusi memberi maklum mesyuarat kepada Ahli Dewan Negeri yang telah memberikan maklumbalas kehadiran perlu hadir ke Sesi Libat Urus: Rang Undang-Undang (RUU) Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 2025 dan Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Perak) 2025 yang dijadualkan pada 4 dan 8 Ogos 2025 jam 9.00 hingga 12.00 tengah hari di Hotel Sri Malaysia.

Tindakan: Makluman

4.2. Mesyuarat Kedua Tahun Ketiga Dewan Negeri Yang Kelima Belas

- 4.2.1. YB Dato' Pengerusi seterusnya memberi maklum Mesyuarat Kedua, Tahun Ketiga, Dewan Negeri Yang Kelima Belas, Perak Darul Ridzuan dijangka akan berlangsung pada 9 sehingga 11 September 2025.

Tindakan: Makluman

5. PENUTUP

- 5.1. YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih dan satu sesi bergambar diadakan. Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 12.10 tengah hari.

Tindakan: Makluman

Disediakan oleh:



(NADIA BINTI ZULKIFLI)

Urus setia
Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi
Mengkaji Bangunan Baharu Dewan
Negeri Perak

Tarikh : 7/8/2028

Disemak oleh:



(MOHD IKRAM BIN AHMAD)

Setiausaha
Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi
Mengkaji Bangunan Baharu Dewan
Negeri Perak

Tarikh : 7/8/2025

Disahkan oleh:



(YB DATO' MOHAMMAD ZAHIR BIN DATO' ABDUL KHALID)

Pengerusi
Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi
Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak

Tarikh :



LAPORAN
LAWATAN PENANDA ARAS PEMBINAAN
BANGUNAN BAHARU
DEWAN NEGERI PAHANG

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENKKAJI
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Bil 1 Tahun 2025 telah membuat ketetapan satu lawatan penanda aras perlu diadakan sebagai salah satu langkah rujukan kepada gerak kerja pembangunan Dewan Negeri Perak yang baharu.
- 1.2. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Dewan Negeri Pahang sedang di dalam proses pembinaan bangunan Dewan Negeri yang baharu dan projek tersebut dipersetujui untuk dijadikan sebagai destinasi lawatan penanda aras.
- 1.3. Lawatan ini diadakan pada 23 Jun 2025 (Isnin) dengan penyertaan delegasi yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa, wakil Pejabat Kewangan Negeri, wakil Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak, wakil Jabatan Kerja Raya Negeri Perak, pegawai dan anggota daripada Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan

2. TUJUAN LAWATAN

- 2.1. Kunjung Hormat kepada Speaker Dewan Negeri Pahang bagi hubungan baik di antara dua intitusi legislatif Negeri serta berkongsi pengalaman amalan terbaik di Dewan Negeri masing-masing.
- 2.2. Mendapatkan penerangan secara langsung daripada pihak Dewan Negeri Pahang berkaitan perancangan, pelaksanaan dan perkembangan terkini proses pembinaan Dewan Negeri Pahang yang baharu.
- 2.3. Mengambil maklum sumber pembiayaan dan tatacara perolehan kewangan yang digunakan bagi tujuan pembangunan Dewan Negeri Pahang yang baharu.
- 2.4. Melawat tapak pembinaan bagi tinjauan secara langsung proses pembinaan bangunan Dewan Negeri Pahang yang baharu.
- 2.5. Mengenalpasti cabaran serta pendekatan kepada langkah penyelesaian dan pencegahan di sepanjang proses pembangunan Dewan Negeri Pahang yang baharu.

3. DELEGASI LAWATAN

3.1. Seramai 29 orang delegasi telah menyertai lawatan ini dan ringkasannya adalah seperti berikut:-

- a) Yang di-Pertua Dewan Negeri
- b) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri
- c) Ahli-ahli Jawatankuasa – 7 orang
- d) Setiausaha Dewan Negeri
- e) Wakil Pejabat Kewangan Negeri – 2 orang
- f) Wakil Pejabat Tanah dan Galian Negeri
- g) Wakil Jabatan Kerja Raya Negeri – 4 orang
- h) Pegawai dan anggota Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan – 10 orang
- i) Pegawai Khas kepada Yang di-Pertua Dewan Negeri – 2 orang

3.2. Butiran senarai delegasi adalah seperti di **Lampiran A**.

4. RINGKASAN PROGRAM LAWATAN

4.1. Hari pertama pada 22 Jun 2025 (Ahad) bertolak ke Kuantan, Pahang.

4.2. Hari kedua pada 23 Jun 2025 (Isnin)

Lawatan Penanda Aras telah dijalankan seperti di butiran jadual berikut;

| | | |
|--------------|---|--|
| 9.30 pagi | : | Bertolak dari Hotel ke Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS) |
| 10.00 pagi | : | Ketibaan di PPSAS |
| 10.15 pagi | : | Kunjung Hormat ke Pejabat Speaker Dewan Negeri Pahang |
| 10.30 pagi | : | Sesi Bergambar |
| | | <ul style="list-style-type: none">• Sesi Taklimat Penanda Aras Pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Pahang oleh Pengurus Besar Kanan Pembinaan PPSAS Aras 2, Bilik Gerakan Sri Pahang, Blok B, PPSAS |
| | | <ul style="list-style-type: none">• Sesi soal jawab |
| 12.30 petang | : | Lawatan ke Dewan Negeri Pahang |
| 1.30 petang | : | Makan tengah hari di Jaman Tory, Bandar Indera Mahkota bersama Dewan Negeri Pahang dan bersurai. |

- 4.3. Sesi taklimat pembangunan bangunan baharu Dewan Negeri Pahang telah disampaikan oleh Encik Hazlan bin Ghazali, Pengurus Besar Kanan Pembinaan PPSAS dan slaid taklimat adalah seperti di **Lampiran B**.
- 4.4. Seterusnya, lawatan fizikal ke tapak pembinaan telah diadakan dan disertai oleh keseluruhan delegasi. Lawatan ini hanya difokuskan ke bahagian Dewan Persidangan bangunan baharu tersebut.

5. ULASAN LAWATAN DARIPADA JABATAN / AGENSI

| BAHAGIAN A: MAKLUMAT JABATAN / BAHAGIAN | |
|--|--|
| JABATAN/BAHAGIAN | PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK |
| NAMA PEGAWAI | PUAN NURUL NADIAH BINTI AHMAD ROSLAN |
| NO. TELEFON BIMBIT | 019-5707376 |
| EMAIL | nurulnadiyah@perak.gov.my |
| BAHAGIAN B : PERINCIAN LAWATAN BERDASARKAN BIDANG TUGAS | |
| PERKARA | ULASAN JABATAN/AGENSI |
| | PTG menyertai lawatan penanda aras ini bagi meneliti apa-apa urusan berkaitan tanah sama ada dari segi pewartaan dan pengambilan tanah serta mendapatkan amalan terbaik dalam pengurusan tanah bagi pembangunan kompleks Dewan Negeri Perak yang baharu. |
| BAHAGIAN C: MAKLUMBALAS LAIN / CADANGAN | |
| | <p>a) Pembinaan Pejabat dan Dewan Negeri Perak dicadangkan di atas tapak Bangunan Seri Perak sedia ada di atas Lot 8667, Daerah Kinta (sekarang Pejabat PTG Perak).</p> <p>b) Tapak ini telah diwartakan sebagai Kompleks Pejabat-pejabat Kerajaan Negeri, dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggara oleh JKR Perak. (No Warta 351 - 9.4.1992).</p> <p>c) PTG tiada halangan untuk projek pembinaan ini kerana Pejabat PTG yang baharu akan dibina di tapak lain.</p> <p>d) Keseluruhan tapak ini berkeluasan lebih kurang 8 ekar. Seluas lebih kurang 3.5 ekar telah digunakan bagi pembangunan lain. Oleh yang demikian, baki yang tinggal untuk pembangunan Pejabat dan Dewan Negeri hanyalah lebih kurang 4.5 ekar. Sehubungan dengan itu, pihak JKR perlu membuat pelan pembangunan berdasarkan baki lot yang tinggal.</p> |

| BAHAGIAN A: MAKLUMAT JABATAN / BAHAGIAN | |
|--|--|
| JABATAN/BAHAGIAN | PEJABAT KEWANGAN NEGERI/ BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN |
| NAMA PEGAWAI | 1. PUAN HAJAH AIDA HAZLYN BINTI HASSAN-TIMBALAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI 2. PUAN HASLINA BINTI TAN SALI- KETUA PENOLONG PEGAWAI KEWANGAN NEGERI (BAJET) |
| NO. TELEFON PEJABAT | 05-2095000 |
| NO. TELEFON BIMBIT | 013-2547260 |
| EMAIL | aida@perak.gov.my / haslina_tan@perak.gov.my |
| BAHAGIAN B : PERINCIAN LAWATAN BERDASARKAN BIDANG TUGAS | |
| PERKARA | ULASAN JABATAN/AGENSI |
| | <p>Pentadbiran ini berpandangan pelan pembinaan Dewan Negeri Pahang (tidak termasuk keperluan pembinaan pejabat-pejabat di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri) boleh dijadikan asas dalam penentuan brief projek yang diperlukan oleh jabatan.</p> <p>Selain daripada itu, perkara-perkara berikut juga perlu diambil perhatian:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Lokasi bagi tapak pembinaan Dewan Negeri Perak yang baharu perlu dikenalpasti dan mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri, b) Cadangan pembinaan perlu mendapatkan perincian kos peruntukan yang diperlukan serta tempoh masa pelaksanaan projek dengan kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Perak, c) Cadangan pembinaan juga perlu diperhalusi dengan mengambilkira keperluan infrastruktur pada masa hadapan; dan d) Kos-kos lain yang berkaitan seperti kos meroboh serta kos perpindahan juga perlu diambilkira. |
| BAHAGIAN C: MAKLUMBALAS LAIN / CADANGAN | |
| | <ul style="list-style-type: none"> a) Jabatan dimohon mengangkat kertas cadangan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi kelulusan dasar pelaksanaan projek. b) Jabatan juga perlu memperincikan peruntukan yang diperlukan mengikut tahun. c) Pembiayaan peruntukan akan ditentukan kelak sama ada secara pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau kaedah lain yang bersesuaian. |

| BAHAGIAN A: MAKLUMAT JABATAN / BAHAGIAN | |
|---|--|
| JABATAN/BAHAGIAN | JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK |
| NAMA PEGAWAI | 1. IR FARRID BIN JAMALUDIN 2. TS DR ROSLINDA BINTI GHAZALI 3. MUHAMAD HAIDAR BIN AHMAD ZAINI 4. IR NURUL AINAA BINTI SELAMAT 5. MUZAFAR BIN ABDULLAH AYEOP |
| NO. TELEFON PEJABAT | 05-2454041 |
| NO. TELEFON BIMBIT | 013-3629381 / 012- 6914647 |
| EMAIL | farrid@jkr.gov.my / roslinda@jkr.gov.my / haidarz@jkr.gov.my / nainaa@jkr.gov.my |
| BAHAGIAN B: PERINCIAN LAWATAN BERDASARKAN BIDANG TUGAS | |
| PERKARA | ULASAN JABATAN/AGENSI |
| <p>a) Pihak pelanggan / pengguna perlu mengemukakan Brif Projek serta keperluan Pelanggan (Client Brief of Requirement) untuk menyatakan keperluan ruang-ruang serta lain-lain kehendak yang perlu diambil kira dalam rekabentuk bangunan baru dengan merujuk kepada Garis Panduan Penyediaan Ringkasan Projek (pindaan 2023) yang telah dibangunkan oleh JKR Malaysia berdasarkan Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan edisi tahun 2024 oleh Kementerian Ekonomi, JPM.</p> <p>b) Berdasarkan brif projek tersebut, keluasan kasar lantai (<i>Gross Floor Area</i>) akan dikenalpasti bagi tujuan penyediaan anggaran kos kerja.</p> | |
| BAHAGIAN C: MAKLUMBALAS LAIN / CADANGAN | |
| <p>a) Projek dicadangkan untuk dilaksana secara Reka dan Bina.</p> <p>b) Penyediaan Kehendak Kerajaan (<i>Need Statement</i>) adalah berpandukan dokumen Brif Projek dan Keperluan Pelanggan (CBOR) bagi membolehkan perlantikan Pasukan Kontraktor.</p> <p>c) Pihak Pelanggan / pengguna perlu memperhalusi konsep / imej yang ingin dipaparkan pada rekabentuk bangunan sebelum diterjemahkan oleh perekabentuk yang dilantik oleh kontraktor kelak.</p> | |

6. DAPATAN LAWATAN

- 6.1. Dewan Negeri Pahang yang baharu dibangunkan bersekali dengan bangunan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang.
- 6.2. Kaedah perolehan bagi keseluruhan pembangunan tersebut adalah secara *Sales and Purchase Agreement*. Oleh itu, syarikat tersebut adalah dilantik oleh Kerajaan Negeri Pahang.
- 6.3. Keseluruhan projek dipantau JKR Negeri Pahang yang dijangka siap pada Disember 2025 dengan memastikan kepentingan Kerajaan Negeri sentiasa dipelihara sepanjang proses pembangunan.
- 6.4. Reka bentuk dan konsep bangunan baharu tersebut berdasarkan jata Negeri Pahang dan lain-lain elemen identiti Negeri Pahang. Contohnya, dinding Dewan Persidangan akan menggunakan Tenun Pahang Diraja.
- 6.5. Pembangunan Dewan Negeri Perak yang baharu kelak dicadangkan untuk menggunakan material pembinaan tempatan daripada Negeri Perak.

7. GAMBAR-GAMBAR LAWATAN PENANDA ARAS









Senarai Delegasi Kunjung Hormat ke Pejabat Speaker Dewan Negeri Pahang dan Lawatan Penanda Aras Pembinaan Bangunan Baharu Dewan

Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak

1. YB Dato' Muhammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid
Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
2. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak / Ahli Dewan Negeri Canning
3. YB Encik Cheah Pou Hian
Ahli Dewan Negeri Jelapang
4. YB Puan Bavani a/p Veraiah
Ahli Dewan Negeri Malim Nawar
5. YB Puan Wong Chai Yi
Ahli Dewan Negeri Simpang Pulai
6. YB Encik Rosli bin Abd Rahman
Ahli Dewan Negeri Pasir Panjang
7. YB Puan Horhaslinda binti Zakaria
Ahli Dewan Negeri Pangkor
8. YB Encik Azizi bin Mohamed Ridzuwan
Ahli Dewan Negeri Lubok Merbau
9. YB Encik Sallehuddin bin Abdullah
Ahli Dewan Negeri Selinsing

Pejabat Kewangan Negeri Perak

10. Puan Aida Hazlyn binti Hassan
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
11. Puan Haslina binti Tan Sali
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Bajet)

Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak

12. Puan Nurul Nadiah binti Ahmad Roslan
Penolong Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak

Jabatan Kerja Raya Negeri Perak

13. Ir Farrid bin Jamaludin
Timbalan Pengarah Kerja Raya
14. Ts Dr Roslinda binti Ghazali
Arkitek Penguasa
15. Encik Muhamad Haidar bin Ahmad Zaini
Arkitek
16. Ir. Nurul Ainaa binti Selamat
Jurutera Awam

Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan / Urus setia

17. Encik Mohd Ikram bin Ahmad
Setiausaha Bahagian
18. Encik Amir Fadli bin Mohamed Halmi
Penolong Setiausaha Kerajaan
19. Encik Afzir bin Muhamad Wazer
Pegawai Tadbir
20. Puan Nadia binti Zulkifli
Pegawai Tadbir
21. Cik Zan Nur Aini binti Zainal
Penolong Pegawai Tadbir
22. Encik Mohd Faharuddin Bin Ibrahim
Penolong Pegawai Tadbir
23. Puan Nor Hazatul binti Tardzi
Pembantu Tadbir
24. Puan Norajanatun Azwa binti Halim
Pembantu Tadbir

25. Cik Nur Aisyah Binti Jauhari
Pembantu Tadbir
26. Cik Nur Hamira Binti Amir Hamidi
Pembantu Tadbir
27. Encik Khairul Izzat Bin Jamaluddin
Pembantu Tadbir
28. Encik Abdul Halim bin Ahmad
Pegawai Khas Yang di-Pertua Dewan Negeri
29. Encik Muhammad Muizzuddin Bin Rosman
Pegawai Khas Yang di-Pertua Dewan Negeri

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI MENGENAL
BANGUNAN BAHARU DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BIL 3 TAHUN 2025**

Tarikh : 18 Ogos 2025 (Isnin)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan

HADIR:

1. YB Dato' Mohammad Zahir Bin Abdul Khalid - Pengerusi
Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
2. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak /Ahli Dewan Negeri Canning
3. YB Encik Cheah Pou Hian
Ahli Dewan Negeri Jelapang
4. YB Puan Salina binti Samsudin
Ahli Dewan Negeri Behrang
5. YB Puan Bavani a/p Veraiah
Ahli Dewan Negeri Malim Nawar
6. YB Encik Ong Seng Guan
Ahli Dewan Negeri Pokok Assam
7. YB Cik Wong Chai Yi
Ahli Dewan Negeri Simpang Pulai
8. YB Encik Rosli bin Abd Rahman
Ahli Dewan Negeri Pasir Panjang
9. YB Encik Muhammad Faisal bin Abdul Rahman
Ahli Dewan Negeri Trong
10. YB Encik Sallehuddin bin Abdullah
Ahli Dewan Negeri Selinsing
11. YB Encik Azizi bin Mohamed Ridzuwan
Ahli Dewan Negeri Lubok Merbau
12. Encik Mohd Ikram bin Ahmad - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TURUT HADIR:

13. Cik Nur Ashqrun binti Samsuri
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
14. Puan TS Dr Roslinda binti Ghazali
Arkitek Penguasa
Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Perak
15. Encik Ir Ts Mohamad Kamal bin Mohd Raudi
JKR Negeri Perak
16. Encik Zzul Hakim bin Zamaludin
JKR Negeri Perak
17. Encik Mohd Shamimi bin Mohd Tahir
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
18. Encik Shahril bin Sabri
Timbalan Pengarah
Jabatan Pertanian
19. Encik Khong Chee Leong
Jabatan Pertanian
20. Puan Mazwin binti Mohamed Noor
Timbalan Pengarah PlanMalaysia Perak
21. Encik Afzir Bin Muhamad Wazer
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
22. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli Dewan Negeri Kepayang
2. YB Puan Norhaslinda binti Zakaria
Ahli Dewan Negeri Pangkor

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1. YB Dato' Pengerusi menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat kali ini.
- 1.2. YB Dato' Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Jawatankuasa telah ditubuhkan sekian lama dan pernah berhasrat agar dibubarkan. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa telah menjalankan gerak kerja sehingga ke hari ini dan bakal dimuktamadkan untuk diserahkan kepada pihak eksekutif.

Tindakan: Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil 2 Tahun 2025 bertarikh 1 Ogos 2025 telah dicadangkan oleh YB Malim Nawar untuk disahkan dan disokong oleh YB Lubok Merbau dengan pindaan daripada JKR di para 3.2.5 seperti berikut:
 - 3.2.5. Setiausaha telah mengemukakan pertanyaan berhubung kos mengikut kadar per meter persegi dan pihak JKR memberikan maklumbalas secara umum serta mesyuarat juga difahamkan berkaitan keperluan unjuran kenaikan kos tahunan.

Tindakan: Makluman

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1. Pemakluman kemaskini status Jawatankuasa berkaitan Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan

- 3.1.1. YB Dato' Pengerusi memberi maklum kepada mesyuarat bahawa pada hari Selasa bertarikh 5 Ogos 2025 bersama YAB Menteri Besar telah menyembah maklum beberapa perkara berkaitan gerak kerja Jawatankuasa ini kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Paduka Seri Sultan Perak di Kuala Lumpur.
- 3.1.2. DYMM Paduka Seri Sultan Perak telah memperkenalkan keperluan untuk pembangunan Dewan Negeri Perak yang baharu di tapak Lot 8667, Ipoh Kinta berkeluasan 4.5 ekar.
- 3.1.3. Seterusnya, YB Dato' Pengerusi memaklumkan mesyuarat bahawa JKR adalah agensi pelaksana bagi tujuan pembangunan bangunan Dewan Negeri baharu ini.

- 3.1.4. Manakala, Jawatankuasa pula perlu menyediakan Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak yang akan dibentangkan pada Mesyuarat Kedua Tahun Ketiga Dewan Negeri Yang Kelima Belas bermula 9 September 2025. Maka dengan itu, tamatlah peranan dan fungsi Jawatankuasa ini.

Tindakan: Ahli Jawatankuasa dan Urus setia

3.2. Maklumbalas Ahli-Ahli Mesyuarat

- 3.2.1. YB Dato' Pengerusi mencadangkan untuk Ahli-Ahli Mesyuarat memberikan pandangan berkaitan pandangan berkaitan keperluan bangunan baharu. Contohnya, bilangan bilik mesyuarat dan sebagainya.
- 3.2.2. YB Malim Nawar mengucapkan tahniah kepada YB Dato' Pengerusi dan mencadangkan untuk semua buah fikiran Ahli-Ahli dikongsi semasa sesi bengkel.
- 3.2.3. YB Simpang Pulai mencadangkan untuk diadakan lawatan yang disertai oleh pelajar-pelajar sekolah ke Dewan yang lain bagi memberikan pencerahan berkaitan institusi legislatif.
- 3.2.4. YB Titi Serong turut mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa kerana telah hampir menyelesaikan tugas akhir dan memohon maaf kerana tidak dapat memberikan banyak sumbangan di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.
- 3.2.5. JKR juga memberikan pandangan bahawa ruang pemerhati persidangan untuk turut berada bersama Dewan persidangan seperti Dewan persidangan di Parlimen Malaysia.
- 3.2.6. YB Dato' Pengerusi mencadangkan kepada JKR agar dipertimbangkan untuk dilibatkan Ahli-Ahli Jawatankuasa semasa bengkel dijalankan.
- 3.2.7. YB Selinsing mengucapkan tahniah dan mengharapkan agar perancangan pembangunan ini direalisasikan. Seterusnya, mencadangkan juga untuk Ahli Dewan Negeri yang lain dijemput untuk menghadiri bengkel tersebut.

- 3.2.8. YB Pasir Panjang mengemukakan pertanyaan sekiranya YB Dato' Pengerusi mempunyai perincian hasrat daripada Titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak dan YB Dato' Pengerusi memberi maklum bahawa reka bentuk bangunan baharu ini perlulah diharmonikan dengan Pejabat DYMM Paduka Seri Sultan Perak.
- 3.2.9. YB Jelapang memberi maklum kepada mesyuarat untuk merujuk kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) yang sedang menjalankan gerak kerja pembangunan *smart city* agar Dewan Negeri yang baharu juga dibina berasaskan bangunan pintar.
- 3.2.10. YB Canning berkongsi pandangan agar cadangan reka bentuk bangunan baharu ini dibuka kepada pertandingan umum seperti yang telah dicadangkan oleh YB Jelapang pada Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2025.
- 3.2.11. BKP mengambil maklum cadangan tapak pembangunan bangunan baharu dan mengesyorkan kepada Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) untuk mengusulkan agar pembinaan pejabat baharu PTG dapat disegerakan. Cadangan langkah ini bertujuan untuk memberi ruang kepada projek pembangunan bangunan baharu Dewan Negeri dimulakan.
- 3.2.12. BKP juga mengesyorkan agar proses reka bentuk dapat dilaksanakan lebih awal tanpa menunggu ketersediaan tapak, memandangkan keseluruhan proses pembangunan dijangka mengambil tempoh masa yang panjang.
- 3.2.13. YB Dato' Pengerusi memberi maklum agar cadangan daripada BKP ini akan dijadikan salah satu syor di dalam Penyata Jawatankuasa.
- 3.2.14. PlanMalaysia Perak turut bersetuju dengan keperluan pelaksanaan gerak kerja berkaitan tapak cadangan tersebut, serta mengesyorkan agar aspek jalan protokol diberi pertimbangan sewajarnya semasa proses perancangan pembangunan dijalankan.
- 3.2.15. JPS mengucapkan tahniah di atas inisiatif pembangunan Dewan Negeri Perak yang baharu, serta menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan pihak berkaitan bagi memberikan ulasan teknikal selaras dengan bidang tugas jabatan.
- 3.2.16. JKR seterusnya mengemukakan keperluan kepada mesyuarat dan memerlukan maklumbalas berkaitan perkara-perkara seperti berikut;

- i) JKR memerlukan makluman berkaitan pelanggan projek pembangunan bangunan Dewan Negeri Perak yang baharu,
 - ii) Maklumbalas awal cadangan-cadangan daripada Ahli-Ahli Dewan Negeri bagi tujuan penyediaan brif projek yang akan dijadikan panduan semasa bengkel; dan
 - iii) Setelah bengkel diadakan, satu *client brief of requirements* (CIBoR) akan disediakan dan pihak JKR akan memulakan tindakan selanjutnya seperti penyediaan reka bentuk dan anggaran kos.
- 3.2.17. JKR juga berpandangan agar projek ini dijalankan secara reka dan bina.
- 3.2.18. Setiausaha memberikan makluman awal bahawa pihak pelanggan projek adalah Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan mesyuarat bersetuju bahawa perbincangan lanjut berkaitan perkara ini akan diadakan memandangkan masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi.
- 3.2.19. JKR memohon agar satu mesyuarat bersama JKR diadakan selepas pihak urus setia mempunyai maklumbalas tersebut bagi tujuan selanjutnya.

Tindakan: Urus setia

4. HAL-HAL LAIN

4.1. Majlis Apresiasi Jawatankuasa Pilihan Khas

- 4.1.1. YB Dato' Pengerusi mencadangkan untuk diadakan satu majlis makan malam diadakan bagi tanda penghargaan kepada setiap yang terlibat di dalam gerak kerja Jawatankuasa ini.
- 4.1.2. Majlis makan malam ini dicadangkan untuk diadakan bersama Jawatankuasa Pilihan Khas Haiwan Berkeliaran yang turut telah selesai menjalankan peranan dan tanggungjawabnya.

Tindakan: Urus setia

4.2. Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak

- 4.2.1. YB Dato' Pengerusi seterusnya memberi maklum bahawa draf penyata akan dikongsikan kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa bagi mengemukakan sebarang maklumbalas sekiranya ada.
- 4.2.2. YB Dato' Pengerusi mencadangkan untuk naskhah penyata tersebut diserahkan secara rasmi kepada YAB Menteri Besar sebagai tanda simbolik bahawa Jawatankuasa telah menyelesaikan tanggungjawab dan menyerahkan tindakan selanjutnya kepada pihak eksekutif.

Tindakan: Ahli Jawatankuasa dan Urus setia

1. PENUTUP

- 1.1. YB Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa. Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 12.10 tengah hari.

Tindakan: Makluman

Disediakan oleh:

Disemak oleh:



(NADIA BINTI ZULKIFLI)
Urus setia
Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi
Mengkaji Bangunan Baharu Dewan
Negeri Perak
Tarikh : 21/8/2025



(MOHD IKRAM BIN AHMAD)
Setiausaha
Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi
Mengkaji Bangunan Baharu Dewan
Negeri Perak
Tarikh : 27/8/2025

Disahkan oleh:



(YB DATO' MOHAMMAD ZAHIR BIN DATO' ABDUL KHALID)
Pengerusi
Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi
Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak
Tarikh : 29/8/2025

